ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"DALAM penilaian, janganlah kita memakai yang lain-lain sebagai neraca melainkan ambillah ugama sebagai neraca itu, nescaya kita tidak akan kecewa atau terpedaya."
- Titah Sempena Sambutan Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA berjayalah orang yang mensucikan dirinya daripada kufur dan maksiat."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'laa, ayat 14.

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 10 | 22 JANUARI 2018 / 1439 جمادي الأول 5 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Ibu bapa diseru bantu tingkat kualiti pendidikan anak

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak dahulu lagi memberikan keutamaan yang tinggi pada urusan pendidikan bagi rakyat di semua lapisan serta mengimbau keterlibatan para ibu bapa dalam proses ini.

Ini adalah sesuai dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), yang mana pelaksanaannya sangat bergantung pada semangat kebersamaan dan kesetiaan, keteguhan iman serta kedalaman ilmu dalam kalangan pemimpin dan rakyat.

"Tanpa ilmu (termasuk ilmu dunia dan akhirat), negara tidak akan dapat ditadbir dan dibangunkan dengan baik dan seimbang, manakala Wawasan Brunei 2035 yang kita garap selama ini tidak mungkin dapat direalisasikan dengan jayanya."

Demikian dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada Konvensyen Ibu Bapa Prihatin Pendidikan yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Ke muka 2



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Konvensyen Ibu Bapa Prihatin Pendidikan yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# Kanak-kanak lapan tahun terima Sijil Pengiktirafan Honorary Policeman



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam berkesempatan bergambar kenangan bersama Awang Muhd. Nazrul Hadi dan ibu bapanya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sekali lagi menempa sejarah dengan merealisasikan impian seorang insan yang istimewa.

Acara Khas Merealisasikan Impian Awang Muhd. Nazrul Hadi bin Kamis adalah salah satu acara yang diselenggarakan oleh Unit Perhubungan Awam Polis pada Majlis Ceramah Kesihatan yang dibuat oleh Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) mengenai kesedaran sakit jantung bagi warga polis yang berlangsung di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Ke muka 5

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 4
BIDANG onkologi berkembang pesat



Muka 10
TERNAKAN ayam pedaging tarik perhatian peserta PMB

# Ibu bapa diseru bantu tingkat kualiti pendidikan anak

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah




MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) semasa menerima Dokumen Komitmen Ibu Bapa pada Konvensyen Ibu Bapa Prihatin Pendidikan bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 1

Yang Berhormat turut menyentuh yang mana mengikut satu kajian, ibu bapa yang banyak bercakap dengan anak-anak mereka tentang pelajaran mereka, mempunyai kelebihan dalam pembelajaran.

"Mengikut kajian psikologis Betty Hard and Todd Risley, ibu bapa yang profesional *(professional parents)* bercakap lebih banyak dengan anak-anak mereka daripada ibu bapa yang bukan profesional, menyebabkan jurang perkataan (*word gap*) sebanyak 30 juta apabila menjangkau usia tiga tahun. Mengikut satu kajian lagi oleh penyelidik di UCLA, pertuturan dua hala di antara orang dewasa dan anaknya adalah enam kali lebih berkesan dalam mempromosi bahasa daripada seorang dewasa sahaja yang bercakap," katanya.

Menurutnya lagi, apa yang dicakapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka adalah juga penting kerana kanak-kanak yang sering mendengar percakapan mengenai nombor atau menghitung di rumah akan mempunyai lebih baik pengetahuan tentang Matematik apabila mereka di sekolah.

Dalam konvensyen ini, jelasnya, kita juga ingin mengajak semua ibu bapa untuk sama-sama membantu menjayakan apa jua inisiatif atau usaha pihak Kementerian Pendidikan dalam kita berusaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan pencapaian pelajar.

Antara inisiatif yang diadakan ialah meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi kanak-kanak melalui Program Coaching (LNCP) agar anak-anak kita boleh meningkatkan tahap literasi dan numerasi mereka sesuai dengan umur mereka, tetapi setakat di bilik darjah sahaja tidak akan mencukupi, perlu jika ibu bapa ada kemampuan untuk meneruskan di rumah apa yang dibuat di sekolah.

Katanya, inisiatif seterusnya ialah mempertingkatkan kemahiran guru agar mereka mencapai Grade 3 ke atas melalui program-program yang disusun di Brunei Darussalam Teachers' Academy (BDTA).

Kita mengakui guru berperanan besar dalam pendidikan kanak-kanak. Maka guru-guru perlu memiliki *right attitude* terhadap murid, di mana pengajaran dilakukan dengan rasa penuh tanggungjawab, penuh komitmen, dengan pedagogi mengajar yang sesuai dengan mengamalkan *differentiated teaching*, mempunyai pengetahuan asas yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar.

Bagi pelajar-pelajar yang dikenal pasti memerlukan perhatian atau bantuan pembelajaran, banyak pihak sekolah yang mengadakan kelas-kelas tambahan, intervensi pada setiap Jumaat bagi membantu pelajar sedemikian.

Adalah diharapkan agar ibu bapa juga memastikan kelas-kelas intervensi dapat dihadiri oleh anak-anak mereka, terutama bagi yang tidak mempunyai masalah pengangkutan datang ke sekolah.

Di samping untuk memastikan suasana pembelajaran anak-anak di sekolah adalah kondusif, Menteri Pendidikan menyatakan, pihak Kementerian Pendidikan menyediakan pemimpin sekolah yang *instructional,* yang boleh mempimpin sekolah dalam semua aspek termasuk mengawasi pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah dengan pencerapan dibuat ke atas guru. Pemimpin-pemimpin sekolah diatur untuk menjalani latihan.

Selain itu katanya lagi, mengadakan perjumpaan dengan guru kelas sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester atau penggal bagi mendapat maklum balas mengenai prestasi pembelajaran dan tahap sahsiah anak-anak ketika berada di sekolah.

> ***"ADALAH diharapkan agar ibu bapa juga memastikan kelas-kelas intervensi dapat dihadiri oleh anak-anak mereka, terutama bagi yang tidak mempunyai masalah pengangkutan datang ke sekolah."***

## Dari Sidang Pengarang.

22 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 5 جمادي الأول

### MENJAGA KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA

**KEBERSIHAN** merupakan perkara yang amat penting untuk diamalkan dalam kehidupan kita seharian kerana dengan adanya persekitaran yang bersih, ia akan mewujudkan kehidupan yang sihat. Kebersihan itu bukan sahaja tertumpu kepada penjagaan kebersihan diri malah ia adalah secara menyeluruh iaitu dari segi kebersihan makanan, pakaian, tempat tinggal dan kawasan persekitaran kita. Apabila isu kebersihan diedahkan nescaya persekitaran kita akan menjadi kotor dan tidak sihat, yang mana ia boleh mengundang kepada munculnya penyakit berjangkit seperti Denggi, Malaria dan sebagainya.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Dengan adanya persekitaran yang bersih juga akan mewujudkan suasana yang selesa dan tenang. Suasana ini penting untuk kita beristirahat dan merehatkan minda setelah penat bekerja atau belajar. Fikiran yang tenang membolehkan kita hidup dengan aman dan gembira, harmoni dan secara tidak langsung akan mewujudkan sebuah negara yang aman dan damai.

Dalam mewujudkan suasana dan keadaan yang bersih ini, ia memerlukan kerjasama semua pihak bagi sama-sama berganding bahu untuk memastikan kita hidup dalam suasana yang bersih dan sihat. Oleh itu, semua orang seharusnya peka akan kepentingan membuang sampah dengan sempurna. Janganlah membiarkan sampah sarap memenuhi sungai, longkang, saluran air sehingga menyebabkan timbulnya bau busuk dan juga mencemari pemandangan alam sekitar.

Dalam agama Islam juga turut menggariskan perihal kepentingan kebersihan khususnya sebelum melakukan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana kita disarankan untuk mandi dan membersihkan segala kotoran yang ada pada tubuh sebelum menunaikan sembahyang dan apa jua ibadat yang hendak dilakukan. Di samping itu, agama kita juga menitikberatkan penjagaan kebersihan hati agar menjauhi diri daripada sifat marah, hasad dengki, kedekut, banyak cakap, takabur, riak dan sebagainya. Semua perkara ini dapat dihindari jika kita mensucikan hati nurani kerana dari hatilah punca segala penyakit zahir dan batin.

Oleh itu, dalam kehidupan seharian ini, kita tidak boleh lari daripada menjaga kebersihan kerana ia salah satu daripada faktor penting dalam kita melakukan setiap ibadat. Jadi kita seharusnya menanamkan sifat bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan diri, alam sekitar dan sebagainya. Masyarakat perlu berganding bahu dalam hal ini dengan bergotong-royong dan bekerjasama untuk memastikan kebersihan tempat tinggal masing-masing selain bagi menyayangi dan menghargai alam persekitaran kita. Oleh yang demikian, elakkan membuang sampah sarap merata-rata, bersama-samalah kita menjaga kebersihan alam sekitar agar kehidupan lebih harmoni. **- Ketua Penyuntingan (Rd).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| **BANDAR SERI BEGAWAN** | 31 / 25 °C | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C |
| **PEKAN BANGAR** | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| **PEKAN TUTONG** | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| **KUALA BELAIT** | 31 / 25 °C | 30 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah JAMADILAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | ISNIN | 5 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 23 | SELASA | 6 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29 | 7.41 |
| 24 | RABU | 7 | 5.04 | 5.14 | 6.36 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29 | 7.42 |
| 25 | KHAMIS | 8 | 5.04 | 5.14 | 6.36 | 6.59 | 12.34 | 3.55 | 6.29 | 7.42 |
| 26 | JUMAAT | 9 | 5.05 | 5.15 | 6.36 | 6.59 | 12.34 | 3.55 | 6.30 | 7.42 |
| 27 | SABTU | 10 | 5.05 | 5.15 | 6.36 | 6.59 | 12.34 | 3.55 | 6.30 | 7.42 |
| 28 | AHAD | 11 | 5.05 | 5.15 | 6.36 | 6.59 | 12.34 | 3.56 | 6.30 | 7.43 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Peranan ibu bapa penting dalam pendidikan anak

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Konvensyen Ibu Bapa Prihatin Pendidikan bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Kementerian Pendidikan menyedari pentingnya penglibatan para ibu bapa dan masyarakat mengenai kepentingan pendidikan supaya mereka dapat sama-sama memberikan sumbangan yang positif.

Dalam usaha untuk merapatkan hubungan di antara Kementerian Pendidikan dan ibu bapa agar dapat bertukar fikiran serta pengalaman berhubung kait dengan pendidikan anak-anak, Jabatan Sekolah-Sekolah mengadakan Konvensyen Ibu Bapa Prihatin Pendidikan bertemakan 'Ibu Bapa Prihatin Pendidikan Adalah Penyuluh Ke Arah Masa Depan Cemerlang Generasi Akan Datang', selama sehari bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Marina Chek binti Abdullah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menegaskan, tidak dapat disangkal bahawa golongan ibu bapa merupakan individu-individu terpenting yang membentuk keluarga, iaitu unit terpenting dalam sesebuah masyarakat dan negara.

Jelasnya, ia bermakna identiti serta kejayaan masyarakat dan negara adalah bertitik tolak dan berpaksi pada identiti, kualiti dan sahsiah individu-individu yang membentuk keluarga, iaitu ibu bapa itu sendiri.

"Ibu bapa yang baik dan menyedari akan tanggungjawab mereka akan berusaha dengan sebaik mungkin mendidik anak serta memberikan *role model* kepada mereka untuk dicontohi, terutamanya pada usia muda dan mudah diberi didikan," ujarnya.

Menurutnya, bermula daripada ibu bapalah lahirnya individu yang sihat dan berketerampilan, pelajar yang cemerlang, pekerja yang baik dan produktif, usahawan yang giat, kreatif dan amanah, ketua masyarakat dan pemimpin yang bertanggungjawab dan berintegriti, malah guru-guru dan pemimpin sekolah yang berwibawa.

Kementerian Pendidikan mengiktiraf akan peri pentingnya peranan dan sumbangan para ibu bapa dalam mendidik dan memudahkan anak-anak mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Namun demikian, pemerhatian dan pengalaman dalam beberapa dekad yang lalu menunjukkan trend, di mana kadar atau intensiti minat dan penglibatan aktif para ibu bapa berhubung perkara ini adalah jauh daripada memuaskan.

Data dari sekolah-sekolah menunjukkan peratus penglibatan para ibu bapa penjaga dalam aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah di tahap yang sangat memerlukan pembaikan, begitu juga dengan peratus kehadiran ibu bapa penjaga bagi setiap sesi perjumpaan ibu bapa bersama guru-guru kelas.



ANTARA para ibu bapa yang menghadiri majlis konvensyen tersebut.

Tujuan utama konvensyen tersebut bagi menyebarluaskan inisiatif Kementerian Pendidikan, iaitu Inisiatif Pendidikan Rendah dan Inisiatif Pendidikan Menengah kepada ibu bapa serta masyarakat agar dapat sama-sama membantu kementerian pendidikan dalam memajukan sistem pendidikan negara.

Seramai 308 peserta menyertai konvensyen yang terdiri daripada Pengerusi atau wakil PIBG dan seorang ibu bapa dari setiap sekolah di keempat daerah.

Pada sebelah petang di akhir konvensyen ialah penyataan komitmen daripada wakil ibu bapa yang disampaikan oleh Pengerusi PIBG, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pengiran Haji Sarifuddin bin Pengiran Haji Abas dan penyerahan Dokumen Komitmen Ibu Bapa kepada tetamu kehormat.

# Sambutan Hari Ulang Tahun Pasukan Kadet Tentera Ke-47 Tahun





PENGARAH Logistik Kementerian Pertahanan, Kolonel Pengiran Azmali bin Pengiran Haji Salleh ketika memeriksa perbarisan Ahli-ahli Pasukan Kadet Tentera Sekolah-sekolah Menengah, Pancaragam Kadet Tentera dan Ahli Pasukan Institut Pengajian Tinggi (kiri). Sementara gambar kanan, Pengarah Logistik Kementerian Pertahanan selaku tetamu kehormat dan Pegawai Pemerintah ASMDB dan Pengarah Pendidikan Kokurikulum bergambar ramai bersama Ahli-ahli Pasukan Kadet Tentera.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**RIMBA**, Sabtu, 20 Januari. - Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mencapai usia 47 tahun penubuhannya sejak mula ditubuhkan pada tahun 1971.

Dalam meraikan Penubuhannya Ke-47 Tahun, Majlis Perbarisan diadakan di Padang Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) Kem Rimba pada 19 Januari lepas. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Logistik Kementerian Pertahanan, Kolonel Pengiran Azmali bin Pengiran Haji Salleh. Turut hadir ialah Pegawai Pemerintah ASMDB dan Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Acara dimulakan dengan tetamu kehormat menerima Tabik Hormat dan seterusnya memeriksa Perbarisan yang terdiri daripada Ahli-ahli Pasukan Kadet Tentera Sekolah-sekolah Menengah, Pancaragam Kadet Tentera dan Ahli Pasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Acara kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, ucapan tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Terdahulu dari itu, Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Pasukan Kadet Tentera turut diadakan pada 18 Januari lalu bertempat di Surau Al-Barakah, Pengkalan Tentera Udara Diraja Brunei. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

# Bidang Onkologi berkembang pesat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 21 Januari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar berkata, Genomics merupakan alat yang paling berkuasa digunakan untuk penyakit terutamanya kanser.

"Kita kini menyaksikan perkembangan pesat dalam ketepatan bidang Onkologi, di mana ketersediaan *diagnosti*, prognostic dan *pharmacogenomics biomarkers* membantu meningkatkan pengenalan, rawatan, perancangan dan kelangsungan kehidupan pesakit kanser," jelas Yang Berhormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Simposium Saintifik Kebangsaan Ketiga bertempat di Dewan Kuliah 2, Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Yang Berhormat berkata, tema simposium kali ketiga ini ialah 'Innovating Precision Medicine for Patient Care' yang mana ia merangkumi tiga sub-tema utama, iaitu kanser, penyakit-penyakit yang berpunca daripada gaya hidup (*lifestyle diseases*) dan penyakit-penyakit berjangkit dari perspektif klinikal dan saintifik.

Simposium dianjurkan oleh Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei Darussalam (BAMLS) dengan kerjasama PAPRSB IHS, UBD.

Lebih 200 peserta menghadiri simposium tersebut terdiri dari makmal perubatan profesional, pengamal profesional kesihatan, ahli akademik, siswazah dan mahasiswa ini memberi peluang kepada mereka untuk membincangkan perkembangan terbaharu berhubung dengan penjagaan pesakit yang mana matlamat utama nya adalah untuk mempromosikan diagnosis / rawatan tepat untuk para pesakit.

Simposium selama tiga hari bermula 19 Januari hingga 21 Januari 2018 itu turut mengundang dua orang penceramah khas dari luar negara, iaitu Ketua Saintis Agency for Science, Technology and Research (A*STAR) Singapura, Profesor David Lane untuk membentangkan ceramah perdana beliau bertajuk 'Progress on P53 based Theraphy and Diagnosis' dan Profesor Wasun Chantratita dari Thailand dengan ceramah perdana beliau bertajuk 'Transforming Medicine : Genomics Bioinformatics & Global Health'.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar semasa merasmikan Simposium Saintifik Kebangsaan Ketiga.

Terdahulu, Presiden BAMLS, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohamad Taib turut memberikan ucapan alu-aluan beliau diikut dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang poster mengenai simposium tersebut.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.





MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan kanan).

# Raih hidayah Allah dengan berzikir

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 21 Januari - Ulul Albab merupakan golongan yang sangat dipuji Allah Subhanahu Wata'ala sehinggakan golongan ini ada dinyatakan di dalam Al-Quran menerusi Surah Ali Imran, ayat 190 hingga 191.

Pujian yang diberikan kepada golongan ini hanya disebabkan oleh dua perkara utama yang sering mereka lakukan, iaitu zikir dan fikir. Andai generasi Brunei Darussalam sentiasa melazimi dua perkara tersebut, iaitu zikir dan fikir, insyaaAllah masa depan negara ini akan terus cerah dengan mendapat hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kiri) semasa hadir pada Tazkirah Subuh yang bertajuk 'Generasi Ulul Albab, Harapan Kitani' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abd Muluk di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Beberapa penekanan usaha ke arah merealisasikan perkara tersebut hendaklah ditekankan oleh ibu bapa dan termasuk juga masyarakat, iaitu pelaksanaan sembahyang fardu lima waktu dalam kalangan anak-anak membawa ke para belia remaja berpandukan kepada strategi pendidikan yang telah ditetapkan oleh Abdulah Nasih Ulwan yang telah diiktiraf keberkesanannya.

Perkara tersebut merupakan antara butiran yang dikongsikan semasa Tazkirah Subuh bertajuk 'Generasi Ulul Albab, Harapan Kitani' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abd Muluk di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Antara yang hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Setiausaha Tetap, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta para pegawai dan kakitangan KHEU.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharapkan akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat merupakan sebuah program sama-sama mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

# Kanak-kanak lapan tahun terima Sijil Pengiktirafan Honorary Policeman


PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kiri) hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan Sijil Pengiktirafan Honorary Policeman sebagai ahli keluarga polis kepada Awang Muhd. Nazrul Hadi.

Dari muka 1

Hasrat merealisasikan impian ini disembahmaklumkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah mendapat titah perkenan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam yang juga menyerahkan Sijil Pengiktirafan Honorary Policeman sebagai ahli keluarga polis kepada Awang Muhd. Nazrul Hadi.

Dengan segak tampil bergaya memberi Tabik Hormat kepada Pesuruhjaya Polis semasa menerima sijil berkenaan yang mana hasrat Awang Muhd. Nazrul Hadi telah menjadi kenyataan.

Awang Muhd. Nazrul Hadi, 8, merupakan seorang budak yang menghidap Kanser Mata (Retinablastoma).

Beliau seorang anak yang pendiam dan tidak mudah bercakap kecuali bersama ahli keluarga sahaja dan mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pegawai polis.

Sehubungan itu, Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) telah menghadapkan impian pesakit ini kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

'Mereka bilang impian saya terlalu besar ... Saya bilang mereka berfikir terlalu kecil' merupakan kata-kata semangat daripada seorang budak kecil ini.

Acara yang penuh menyayat perasaan, namun gemilang ini membuktikan PDB bukan sahaja tegas dalam menegakkan undang-undang dan mengekalkan keamanan negara, ia juga mampu mempengaruhi masyarakat untuk terus mengejar kejayaan dengan suntikan semangat dan motivasi agar ia tercapai.

Impian menjadi kenyataan ini secara langsung dapat mempelawa kanak-kanak lain yang bercita-cita sama untuk menjadi generasi peneraju negara.

Kerjasama serta gandingan bahu di antara pasukan polis dan masyarakat akan memberi impak yang besar dan ketara dalam sama-sama memikul tanggungjawab menangani masalah gejala sosial dan mempertahankan keharmonian bermasyarakat.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, SAC Pengiran Haji Mohammad, selaku Pengerusi Majlis; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan anggota pangkat rendah, guru-guru dan penuntut-penuntut dari Sekolah Rendah Limau Manis.

Dalam masa yang sama, pemeriksaan kesihatan juga diungkayahkan untuk warga polis, seperti pemeriksaan ketinggian badan, berat badan, BMI, tekanan darah dan sukatan kadar gula dalam darah, di mana kira-kira 100 anggota polis membuat pemeriksaan kesihatan semasa acara tersebut.


SEBAHAGIAN pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei yang hadir pada majlis berkenaan.

# Pelaksanaan SSE tingkatkan kualiti pendidikan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**


TIMBALAN Setiausaha Tetap, (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah semasa berucap dan seterusnya merasmikan Pelancaran 'Whole Self Evaluation : The Drive for School Self Evaluation'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - School Self-Evaluation (SSE) atau Penilaian Kendiri Sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam kebanyakan sistem pendidikan di seluruh dunia bagi meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah.

Dalam hasil kajian antarabangsa menunjukkan bahawa penglibatan sekolah dalam melaksanakan penilaian kendiri adalah satu inisiatif yang sangat signifikan untuk memantapkan rancangan tindakan sekolah ke arah penambahbaikan sekolah.

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon bin Abdullah pada Majlis Pelancaran 'Whole Self Evaluation : The Drive for School Self Evaluation' yang berlangsung di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Menurut beliau, kepentingan inisiatif terbukti dengan kejayaan sistem pendidikan di negara-negara serantau seperti Republik Singapura, iaitu melalui School Appraisal Board yang telah lama memperkenalkan SSE sebagai salah satu proses dalam model penilaian sekolah mereka.

"Adalah diharapkan SSE akan dapat mendukung inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan untuk mencapai KPI Nasional Kementerian Pendidikan 1.1 hingga 1.4 iaitu Kualiti Guru, 'Standard' sekolah, Literasi dan Numerasi pelajar dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam dan seterusnya, merealisasikan matlamat Wawasan Negara Brunei 2035 untuk melahirkan generasi yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa," jelasnya.

Pelaksanaan penambahbaikan sekolah yang berkesan tambahnya, mekanisme *check and balance* atau *pressure and support* perlu ada untuk memastikan kesahihan dan keberkesanan pelaksanaan SSE di sekolah.

# SSE dilaratkan ke sekolah kerajaan

**Oleh :**
**Rohani Haji Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Bagi memastikan piawaian pendidikan institusi pendidikan Negara Brunei Darussalam berkualiti tinggi, Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah (JKSS) Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah untuk melaksanakan Penilaian Kendiri Sekolah (School Self Evaluation - SSE) di sekolah-sekolahkerajaan di seluruh negara.

Sehubungan itu, beberapa sesi Bengkel 'Whole School Evaluation : The Drive for SSE' untuk kepimpinan sekolah akan dilaksanakan melalui kolaborasi JKSS dengan khidmat sokongan pemimpin Sekolah Antarabangsa bermula Februari hingga Ogos 2018.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Whole Self Evaluation : The Drive for SSE dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah, yang berlangsung di Dewan Utama, Kementerian Pendidikan, di sini.

Rasional The Drive for SSE diperkenalkan untuk sekolah membuat penilaian dalaman secara reflektif dan kolaboratif.

Pemimpin sekolah danguru-guru akan dapat mengenal pasti kekuatan dan cabaran yang dihadapi, selain dapat menyediakan perancangan dan pelaksanaan bagi usaha penambahbaikan dengan cara mengoptimum kekuatan serta mengatasi cabaran.

JKSS melaksanakan penilaian SSE sejak 2014 yang melibatkan sebanyak 18 sekolah sebagai sekolah rintis dan seterusnya dilaratkan ke tujuh sekolah di peringkat permulaan bagi pelaksanaan penuh.

Pada tahun ini SSE akan dilaratkan ke semua sekolah kerajaan di seluruh negara.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee dan Pemangku Pengarah JKSS, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli.

# Giat laksana aktiviti kebajikan bersama Ahli Pengawasan Kejiranan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 21 Januari. - Balai Polis Labi mula menggiatkan aktiviti kebajikan memotong rumput dan menebang pokok melalui Pengawasan Kejiranan (PK).

Sehubungan itu, seramai tiga anggota polis dari Balai Polis Labi yang diketuai oleh Sarjan 2651 Keeleh bin Bidin bersama 12 Ahli PK Kampung Labi I yang diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi menyertai aktiviti berkenaan.

Turut menyertai aktiviti berkenaan Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Shari bin Ahmad bersama Datin Hajah Azizah binti Adam.

Kawasan pembersihan tertumpu di sepanjang jalan kawasan KM 31, Jalan Labi, Sungai Liang bagi kemudahan para pengguna jalan raya agar tidak terhalang penglihatan dan lebih selamat digunakan.

Aktiviti tersebut bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 11.00 pagi.

Sementara itu, di Daerah Tutong, aktiviti memotong rumput diadakan di kawasan padang Sekolah Rendah Kampung Kiudang, Tutong.

Aktiviti kerjasama itu bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memberi peluang kepada orang ramai khasnya Ahli- ahli PK untuk memberi khidmat sumbangan dalam bentuk apa jua pun, malah membantu menjaga kebajikan dan keselesaan warga sekolah terutama kepada para pelajar.

Menyertai aktiviti tersebut Ketua Kampung Birau, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim dan Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Muhammad Saiful bin Abdullah berserta empat Ahli PK Mukim Kiudang yang juga disertai oleh lima anggota polis dari Balai Polis Lamunin bermula dari jam 6.30 pagi hingga 9.00 pagi.

Kehadiran para ketua kampung menyemarakkan lagi semangat anak buah masing-masing dalam sama-sama mengendalikan aktiviti berkebajikan itu sebagai salah satu aktiviti kesukarelawanan.

Manakala di Daerah Brunei dan Muara pula, aktiviti kebajikan memotong rumput diadakan di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

Gandingan dua ketua kampung yang memberi sokongan penuh, iaitu Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri I, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit dan Ketua Kampung RPN Kampung Mentiri II, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Hidup, turut memeriahkan aktiviti berkebajikan tersebut.

Seramai dua Ahli Focal Point PK dari Balai Polis Muara diketuai oleh Staf Sarjan 2870 Dahlan bin Mohamed dan empat Ahli PK RPN Kampung Mentiri diketuai oleh Awang Haji Thamit bin Alias berserta beberapa Ahli MPK dan penduduk RPN Kampung Mentiri Kawasan I dan II menyertai aktiviti yang bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 9.30 pagi berkenaan.

Aktiviti itu bertujuan mendedahkan cara kehidupan masyarakat di negara ini yang masih mengekalkan amalan bergotong-royong, di samping keharmonian bermasyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi mengetuai Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Labi I bergotong-royong memotong rumput dan menebang pokok (atas). Manakala gambar bawah, antara Ahli PK yang turut serta semasa aktiviti tersebut.



# Berbagai-bagai aktiviti meriahkan Bandarku Ceria





SUASANA Bandarku Ceria diisikan dengan berbagai-bagai aktiviti riadah kekeluargaan (kiri), sementara gambar kanan, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk berbasikal di sekitar Bandar Seri Begawan sempena Bandarku Ceria.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 21 Januari. - Bandar Seri Begawan (BSB) terus menjadi tumpuan orang ramai untuk meluangkan masa pada pagi hujung minggu bagi melakukan pelbagai aktiviti riadah.

BSB juga terus dihidupkan dengan suasana hujung minggu yang mana masyarakat di negara ini boleh berkumpul dan meluangkan masa bersama keluarga dan kawan-kawan, malah masyarakat luar juga turut serta bagi meluangkan masa dan sama-sama merasai kemeriahan Bandarku Ceria semasa berada di negara ini.

Dalam kesempatan ini, salah seorang pengunjung Bandarku Ceria, iaitu Rika Chilwah Fatluissyamsi, 22, mahasiswi jurusan Fakulti Pengurusan Ekonomi Islam, Univerisiti Islam Darussalam dari Republik Indonesia semasa ditemu bual menjelaskan, ini pertama kali beliau berkunjung ke Bandarku Ceria.

Jelasnya, kemeriahan memang terasa di Bandarku Ceria ditambah lagi dengan keramahan yang diberikan oleh penduduk di sini yang berada semasa Bandarku Ceria.

Dalam pada itu, pelbagai aktiviti turut menceriakan suasana Bandarku Ceria, antaranya permainan belon, aktiviti berbasikal, bersenam dan gerai jualan yang menambahkan keceriaan serta menarik perhatian para pengunjung yang datang untuk menyaksikan sekali gus menyertai Bandarku Ceria.

Pelita BRUNEI
MINDA PEMBACA
Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :
TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. 'Langkah Berjimat Cermat Menggunakan Elektrik'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2018
2. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018
3. 'Suburkan Semangat Bermucang-Mucang'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2018
Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Menangi BND75 Setiap Minggu
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Kumpulan Firqah Khairul Mu'minin, Khairul Husna muncul juara



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain (tiga, kiri) bergambar ramai bersama juara Kategori Lelaki Pertandingan Dikir Syarafil Anam di antara Mukim-Mukim di Daerah Tutong, iaitu Kumpulan Firqah Khairul Mu'minin dari Mukim Kiudang.

**Berita dan Foto :**
**Noraisah Haji Muhammed**

**TUTONG,** Sabtu, 20 Januari. - Kumpulan Firqah Khairul Mu'minin dari Mukim Kiudang dan Kumpulan Khairul Husna dari Mukim Pekan Tutong masing-masing muncul johan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam di antara Mukim-mukim di Daerah Tutong sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439H / 2017M.

Pertandingan yang diadakan di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong itu dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439H / 2017M.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah pertandingan ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Johan pertandingan menerima hadiah wang tunai berserta piala dan piala pusingan.

Sebanyak tujuh kumpulan menyertai pertandingan tersebut terdiri daripada tiga kumpulan dikir lelaki, iaitu masing-masing dari Mukim Pekan Tutong, Mukim Telisai dan Mukim Kiudang, manakala Kategori Perempuan disertai sebanyak empat kumpulan dikir, iaitu Mukim Pekan Tutong, Mukim Telisai, Mukim Keriam dan Mukim Ukong.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah Tutong, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar dan seterusnya ucapan daripada Pengerusi Bersama Majlis yang disampaikan oleh Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Mumin bin Abdul Razak.

Pertandingan antara lain diungkayahkan bertujuan bagi menggalakkan perkembangan dikir di negara ini, selain sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai rakyat dan penduduk khususnya di Daerah Tutong mempelajari serta menghalusi bacaan Dikir Syarafil Anam.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

# Peserta Simposium Saintifik Kebangsaan diraikan

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG,** Sabtu, 20 Januari. - Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei Darussalam (BAMLS) bersama Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam mengadakan Majlis Makan Malam bagi Simposium Saintifik Kebangsaan Ketiga di Dewan Al-Barakah, Hotel Parkview.

Majlis tersebut dihadiri oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan; Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan; Pengarah-Pengarah Jabatan di Kementerian Kesihatan; Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti PAPRSB IHS; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan serta para peserta simposium dan penuntut-penuntut institusi tinggi di negara ini.

Pada majlis tersebut, Ketua Saintis bagi Agency for Science, Technology and Research (A*Star), Profesor Sir David Lane menyampaikan ucaptama bertajuk 'Cancer and Society' yang antara lain menjelaskan, bagaimana kajian kanser dapat dibuat dengan lebih efektif bagi para pesakit.

Beliau merupakan Pengarah Makmal p53 yang menumpukan pada penyelidikan mengenai interaksi protein serta mewujudkan ubat-ubatan untuk menghalang interaksi berkenaan menggunakan p53 sebagai sistem model.



KETUA Saintis bagi Agency for Science, Technology and Research (A*Star), Profesor Sir David Lane menyampaikan ucaptama bertajuk 'Cancer and Society'.

Simposium yang bertemakan 'Innovating Precision Medicine for Patient Care' itu merangkumi tiga sub-tema utama, iaitu kanser, penyakit-penyakit yang berpunca dari gaya hidup dan penyakit-penyakit berjangkit dari perspektif klinikal dan saintifik.

Ia memberi peluang kepada para profesional penjagaan kesihatan di negara ini untuk membincangkan mengenai perkembangan terbaharu berhubung dengan penjagaan pesakit.

Simposium berlangsung selama tiga hari di PAPRSB IHS itu diisi dengan ceramah perdana, ceramah-ceramah saintifik, pembentangan kertas-kertas saintifik melalui poster dan bengkel.

# Dua Penguasa Kanan Bomba dinaikkan pangkat

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Dua Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat dinaikkan pangkat ke Penolong Pengarah Bomba dan Penyelamat menerima tanda pangkat masing-masing pada majlis yang berlangsung di Mess Pegawai, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Berakas, di sini.



PENGIRAN Haji Sabli bin Pengiran Damit (dua, kiri) semasa bergambar ramai bersama ahli keluarga.

Penyampaian tanda pangkat kepada Pengiran Haji Sabli bin Pengiran Damit dan Awang Shahrin bin Haji Mohd. Jawie disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

Juga hadir ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota serta kakitangan JBP.

Awang Shahrin bin Haji Mohd. Jawie ketika ditemui oleh Pelita Brunei menzahirkan rasa syukur kepada pihak pentadbiran kerana diberikan kepercayaan yang kuat serta gembira dengan dorongan yang tidak putus-putus daripada ahli-ahli keluarga beliau.



AWANG Shahrin bin Haji Mohd. Jawie (tiga, kanan) semasa bergambar ramai bersama ahli keluarga.

# Warga PA disaran jalankan tugas bersungguh-sungguh

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Ceramah Motivasi tersebut.



AWANG Haji Noor Husseini bin Haji Mohd. Hussein dari Institut Perkhidmatan Awam (IPA) pada Sesi Ceramah Motivasi DBP bertajuk 'Meraih Keberkatan Di Tempat Kerja'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Warga Perkhidmatan Awam (PA) diharap agar dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan mencapai kerja yang memuaskan.

Perkara itu antara yang digariskan oleh Awang Haji Noor Husseini bin Haji Mohd. Hussein dari Institut Perkhidmatan Awam (IPA) pada Sesi Ceramah Motivasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertajuk 'Meraih Keberkatan Di Tempat Kerja' bertempat di Balai Sarmayuda, DBP Putsaka, di sini.

Beliau turut mengingatkan tentang bagaimana kita selaku warga PA di dalam bekerja selain bagaimana persepsi warga PA sendiri di dalam pekerjaan mereka.

Terdahulu sebelum itu, ceramah dimulakan dengan bacaan Surah Toha dari ayat 1 hingga 5 beramai-ramai yang dikepalai oleh Awang Haji Noor Husseini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak dan Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan.

Dengan adanya Ceramah Motivasi tersebut akan dapat meningkatkan produktiviti kerja warga PA, di samping memberikan nilai tambah pada meningkatkan imej dan profesion masing-masing yang lebih berkualiti, berkepakaran, efisien dan efektif.

# INELI - ASEAN wujudkan rangkaian pemimpin perpustakaan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Projek INELI - ASEAN adalah untuk meningkatkan kemahiran, kepimpinan bagi pemimpin baharu perpustakaan dan mewujudkan rangkaian yang kukuh bagi pemimpin perpustakaan di rantau ini.

Ia juga bagi membina kapasiti atau keupayaan untuk menyediakan latihan kepimpinan yang berterusan, di samping memupuk kerjasama dan perkongsian yang kukuh di antara pihak yang berkepentingan di rantau ini.

Perkara itu antara inti pati yang dibentangkan pada Sesi Perkongsian Maklumat mengenai Projek INELI - ASEAN yang disampaikan oleh Inovator Projek INELI - ASEAN, Dayangku Hajah Masdiana binti Pengiran Haji Damit, Dayangku Seri Mohayatun binti Pengiran Haji Metussin dan Dayang Siti Mahyuna binti Haji Damit, berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Putsaka (DBP), di sini.

Projek INELI - ASEAN jelasnya dilaksanakan kerana menyedari pelbagai cabaran yang dihadapi oleh perpustakaan awam di rantau Asean seperti kekurangan perkongsian dan kerjasama di antara mereka khususnya kekurangan platform yang sama dan praktikal untuk memudahkan akses dalam mendapatkan maklumat yang penting serta tempat yang kondusif untuk pengetahuan juga pertukaran maklumat yang relevan.

Dalam sesi tersebut juga menerangkan bahawa INELI - ASEAN adalah satu projek pendidikan yang dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun yang dihasratkan untuk mewujudkan rangkaian serantau bagi pemimpin baharu di perpustakaan awam.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta Inovator INELI - ASEAN ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.



PARA peserta Inovator Projek INELI - ASEAN semasa membuat pembentangan pada Sesi Perkongsian Maklumat mengenai Projek INELI - ASEAN yang diadakan di Balai Sarmayuda, DBP.

Terdahulu, Yang Di-Pertua Persatuan Perpustakaan Brunei, Dayang Nelli binti Dato Paduka Haji Sunny selaku Pengerusi Majlis menyatakan program INELI - ASEAN (International Network of Emerging Library Innovators) merupakan program latihan secara dalam talian (*online*) yang dilancarkan pada tahun 2015 di Bangkok dan berakhir pada bulan November 2017.

Program yang dikendalikan oleh DBP dan Persatuan Perpustakaan Brunei itu dihadiri ialah wakil-wakil daripada pelajar-pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan pembantu perpustakaan di negara ini.

# BDAS pastikan laporan kewangan konsisten, seragam

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat mengenai Standard Perakaunan Brunei Darussalam (BDAS) yang diadakan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 20 Januari. - Standard Perakaunan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Accounting Standards - BDAS) dikeluarkan adalah bagi memastikan tahap keseragaman dan konsistensi dalam penyediaan laporan kewangan oleh entiti-entiti berkenaan di negara ini.

Piawaian tersebut membolehkan para pengguna laporan kewangan, terutamanya dalam membuat perbandingan dan menilai prestasi entiti berkenaan bagi membolehkan keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang lebih berkualiti.

Hadir mendengarkan taklimat yang diadakan di Dewan Teater, Kementerian Kewangan di sini ialah Setiausaha Tetap (Prestasi) Kementerian Kewangan, Dayang Norliah binti Haji Kula yang juga selaku Pengerusi Majlis BDAS dan Pengarah Hasil di Bahagian Hasil, Dayang Chairani binti Haji Sulaiman.

Taklimat mengenai BDAS itu disampaikan oleh Pegawai Kewangan Bahagian Hasil, Dayang Khairunnisa binti Dr. Haji Hashim dan turut dihadiri oleh lebih 200 akauntan awam, peniaga tempatan, wakil daripada agensi kerajaan yang relevan serta persatuan-persatuan di negara ini.

Dengan kewujudan piawaian dan keseragaman penyata kewangan akan juga memudah cara urusan berkaitan pengurusan kewangan, seperti mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi berkenaan dan dalam proses kesolvenan (*insolvency process*).

Maksud sebuah entiti tidak mempunyai kepentingan awam adalah jika ia tidak dikeluarkan *debt* atau *equity securities* dalam satu pasaran umum atau ia tidak memegang aset-aset bagi sekumpulan orang luar selaku pemegang amanah sebagai salah satu perniagaan utamanya.

Piawaian-piawaian perakaunan BDAS boleh didapati dan dimuat turun menerusi laman sesawang Majlis BDAS (Brunei Darussalam Accounting Standards Council - BDASC) di *bdasc.org*.

# Mangsa banjir anggota PDB terima sumbangan



PEMANGKU Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Awang Mohammad Azrie bin Haji Talip bersama rombongan ketika menyempurnakan sumbangan barangan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**LABI**, Sabtu 20 Januari. - Dalam usaha bagi meringankan bebanan anggota yang terlibat dalam mangsa banjir, Daerah Polis Belait Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah menyampaikan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian kepada lima orang anggota yang bertugas dan tinggal bersama keluarga di kediaman Barek Pos Polis Bukit Puan Jalan Labi, Daerah Belait.

Hadir pada acara tersebut bagi menyempurnakan sumbangan barangan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir ialah Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Awang Mohammad Azrie bin Haji Talip bersama rombongan, iaitu Ketua Bahagian Audit Dalaman, Tatatertib, Kebajikan dan Kaunseling PDB, Penguasa Polis Dayang Hajah Rosnie binti Haji Ali berserta tiga pegawai dan 20 orang anggota PDB yang terdiri dari Ibu Pejabat Daerah Polis Belait, Balai Polis Sungai Liang, Balai Polis Labi dan Bahagian Audit Dalaman, Tatatertib, Kebajikan dan Kaunseling PDB.

# Sekolah St. Andrew's terima sumbangan penajaan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Syarikat Lian Tong dan Anak-Anak meneruskan inisiatif tanggungjawab sosial korporat mereka dengan memberi sumbangan penajaan setahun bayaran yuran kepada pelajar terpilih Sekolah St. Andrew's.

Pelajar yang terpilih menerima sumbangan penajaan berkenaan berdasarkan dari pencapaian akademik terbaik dan latar belakang sosioekonomi keluarga.

Justeru, wakil syarikat tersebut, Allen On menyerahkan sumbangan penajaan kepada Pengetua sekolah berkenaan, Tan Lian Lian.

Menurut, Allen On, syarikat berkenaan akan terus menyumbang kepada masyarakat sebagai tanda penghargaan kepada Kerajaan Brunei dan Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA).



PENGETUA Sekolah St. Andrew's, Tan Lian Lian (kanan) menerima sumbangan derma berupa cek dari Syarikat Lian Tong dan Anak-anak untuk bayaran yuran pelajar terpilih di Sekolah St. Andrew's.

# Semai semangat patriotik pelajar



PENGETUA Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait, Jaime Lim semasa ditemu bual.



SESI Taklimat Kenegaraan dihadiri oleh 80 penuntut Tahun 7, Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait.

**Berita dan Foto :**
**Noraisah Haji Muhammed**

**KUALA BELAIT,** Sabtu, 20 Januari. - Dalam memastikan para pelajar sentiasa peka dengan menghormati lagu kebangsaan dan bendera negara, sekali gus menyemai semangat patriotisme, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, meneruskan Sesi Taklimat Kenegaraan dan kali ini diadakan di Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait.

Taklimat bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Antara lain dalam taklimat tersebut, Awang Mohammad Hisyam menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Pengetua sekolah berkenaan, Jaime Lim berkata, program yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan itu sangat bermanfaat dan harus diteruskan dari tahun ke tahun.

Beliau menambah, taklimat yang disampaikan amat berguna dalam menambah pengetahuan pelajar walaupun mengenai bendera dan lagu kebangsaan ada disampaikan melalui subjek MIB, namun dengan adanya pendekatan yang diusahakan oleh Jabatan Penerangan itu akan menambah lagi keberkesanan mengenainya dari apa yang disampaikan di dalam kelas.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' serta menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Program berkenaan dihadiri oleh tenaga pengajar Sekolah Menengah Chung Hua dan disertai oleh seramai 80 penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan.

Taklimat tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pelajar yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata pada pihak sekolah.

# Dua pelajar negara sertai ISYF Ke-10

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan komited dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan terus mendedahkan dan memperkayakan murid-murid pintar cerdas yang dikenal pasti dengan peluang pembelajaran yang akan memupuk minat dan komitmen mereka untuk menyumbang dalam bidang pilihan mereka sebagai pakar yang berpotensi.

Tahun ini, UPK sekali lagi menghantar dua pelajar pintar cerdas dan seorang pegawai pelajaran bagi mewakili negara menyertai Forum Belia Sains Antarabangsa (ISYF) Ke-10 yang diadakan di Republik Singapura bermula 21 hingga 25 Januari 2018.

Pelajar yang terpilih ialah Awang Mohammad Amir Putera Razzaqzharfan Hakeemuddin bin Haji Yacob, pelajar dari Sekolah Antarabangsa Brunei dan Calista Shauna Shim Cheen Yen dari Pusat Tingkatan Enam Meragang dengan diiringi oleh Pegawai Pelajaran dari Perkhidmatan dan Program Pendidikan Pintar Cerdas, UPK, Dayang Rozi-Suzanah binti Yatab.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada wakil negara ialah Pemangku Ketua UPK, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Pelajar pintar cerdas dan guru sains negara ini telah dipilih bagi menyertai ISYF sejak ia bermula pada tahun 2009.

Forum tersebut merupakan program bertaraf dunia yang dianjurkan oleh Hwa Chong Institution dan Nanyang Technological University dengan sokongan Kementerian Pendidikan, Republik Singapura.

Dayang Rozi-Suzanah ketika ditemui menjelaskan, semasa forum itu nanti para pelajar akan terlibat dalam sesi dialog bersama pemenang Anugerah Nobel (Nobel Laureates), di mana ia akan memberi inspirasi kepada pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

ISYF tambahnya, bermatlamat untuk menyediakan platform kepada pelajar dan tenaga pengajar untuk bersua muka dan bertukar-tukar pandangan bersama saintis terkemuka, selain



**PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor (dua, kiri) semasa hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada penuntut-penuntut yang menyertai Forum Belia Sains Antarabangsa (ISYF) Ke-10 yang diadakan di Republik Singapura bermula 21 hingga 25 Januari 2018.**

menjalinkan hubungan persahabatan di kalangan pelajar-pelajar dan tenaga pengajar dari negara-negara yang terlibat.

Forum ini jelasnya, adalah untuk membina kapasiti tenaga pengajar, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

Sementara Awang Mohammad Amir Putera Razzaqzharfan Hakeemuddin tambahnya, akan mengikuti Pertandingan Poster manakala Calistana Shauna Shim Cheen Yen akan mempamerkan posternya mengenai 'Harmful Algal Bloom Caused by the Warming of the Ocean' pada pameran forum nanti.

Dengan lebih 150 pelajar dan tenaga pengajar dari pelbagai negara, ISYF menjanjikan pengalaman pembelajaran untuk menambah pengetahuan yang lebih mendalam, bukan sahaja dalam bidang sains malah kebudayaan satu sama lain.

# Ternakan ayam pedaging tarik perhatian peserta PMB



**PENGARAH Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman (kiri) semasa menyerahkan cenderahati kepada Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh (kanan) semasa melawat Syarikat Riza Farming yang terletak di Jalan Bebatik Kulapis.**



**ROMBONGAN Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Subok dan Kampung Belimbing diberikan penerangan oleh Pengarah Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris.**

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



**MUKIM SENGKURONG**, Sabtu, 20 Januari. - Peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Subok dan Kampung Belimbing anjuran Jabatan Penerangan berkesempatan melawat ke salah sebuah pengusaha tempatan, iaitu Riza Farming bagi menyaksikan ternakan ayam pedaging.

Semasa berada di tapak ternakan yang juga merupakan anak Syarikat Riza Group yang terletak di Jalan Bebatik Kulapis, rombongan seramai 15 orang yang diketuai oleh Ketua Kampung Subok, Awang Haji Mohd. Jais bin Mohd. Salleh yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung Belimbing telah dialu-alukan oleh Pengarah Urusan Riza Group, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman.

Di sini, rombongan diberikan penerangan mengenai latar belakang, sejarah, kaedah teknologi dan operasi ternakan ayam di Riza Farming oleh Pengiran Haji Haris sendiri sebelum dibawa melawat ke sekitar kawasan ternakan.

Ketika meninjau salah sebuah reban ternakan ayam yang berkapasiti 22,400 ekor ayam, para peserta PMB juga berpeluang menyaksikan ayam-ayam ternakan diberikan makan menggunakan kaedah automatik.

Syarikat Riza Farming mula beroperasi sejak tahun 2014 dengan misi untuk membekalkan daging-daging ayam yang halal dan berkualiti tinggi.

Sehingga tahun 2016 sahaja, Syarikat Riza Farming mempunyai sebanyak tujuh unit reban ternakan ayam dan menghasilkan sebanyak 1,044 tan metrik ayam setahun.

**ROMBONGAN Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Subok dan Kampung Belimbing melawat salah sebuah reban ayam yang mampu menghasilkan sebanyak 22, 400 ekor ayam milik Syarikat Riza Farming.**

# Perkataan baik gambarkan keperibadian tinggi



PENGERUSI Kumpulan Ukhuwah Kejiranan Al Barakah, Rancangan Perumahan Negara, Meragang, Awang Abd. Hamid bin Haji Othman menyampaikan sijil kepada peserta.



SEBAHAGIAN peserta yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Penyampaian Sijil dan Hadiah bagi Peserta-Peserta Perhimpunan dan Perarakan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Allah Subhanahu Wata'ala memberi peringatan kepada manusia, agar manusia berbicara dengan perkataan yang baik, dan membiasakan diri dengan ucapan-ucapan yang baik kerana melahirkan isi hati yang baik dengan ucapan-ucapan perkataan yang baik menggambarkan adab dan keperibadian yang tinggi sebagai kunci ukhuwah dalam *mahabbah.*

Perilaku, perbuatan dan ucapan-ucapan yang baik dapat menyuburkan kasih sayang sesama manusia, mengeratkan persahabatan dan mencegah tipu daya syaitan yang sentiasa berusaha merapuhkan silaturahim dan menimbulkan persengketaan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Pengerusi Kumpulan Ukhuwah Kejiranan Al Barakah, Rancangan Perumahan Negara Meragang (UKAB RPNM), Awang Abd. Hamid bin Haji Othman selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Penyampaian Sijil dan Hadiah bagi Peserta-Peserta Perhimpunan dan Perarakan sempena Maulidur Rasul Tahun 1439 Hijrah bersamaan 2017 Masihi.

"Oleh kerana itu dalam pergaulan sehari-hari, hendaklah kita membiasakan diri dengan ucapan-ucapan yang baik dan jujur, kerana ucapan yang baik akan menghasilkan kebajikan. Inilah antara impian kita dalam Kawasan RPN Meragang ini untuk melihat sesama warga agar tidak berpecah-belah, saling kasih-mengasihi, hormat-menghormati dan membina persaudaraan dalam suasana yang penuh ukhuwah demi mendapatkan keampunan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya pada majlis yang berlangsung di salah sebuah kediaman RPN Meragang, di sini.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil dan hadiah kepada Kumpulan UKAB RPNM, iaitu lebih 60 peserta yang telah menjuarai Perhimpunan dan Perarakan Sempena Maulidur Rasul Tahun 1439H bersamaan 2017M dalam Kategori Takmir Masjid dan Kampung.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Kumpulan UKAB RPNM, Awang Haji Sohaili bin Haji Mohidi ketika ditemui menjelaskan, kunci bagi kejayaan pasukan UKAB RPNM adalah sudah diterapkan dalam maksud nama pasukan mereka itu sendiri iaitu Ukhuwah dan Al Barakah.

Jelasnya, Ukhuwah yang dimaksudkan sebagai ikatan jiwa yang melahirkan perasaan kasih sayang, kecintaan dan saling hormat menghormati dalam iman dan taqwa manakala Al Barakah itu sendiri sudah menggambarkan segala kebaikan demi mendapatkan Mardha Tillah, iaitu keredaan dan kasih sayang Allah dalam apa jua perkara yang mereka rencanakan, usahakan, jalankan dan praktikkan dalam pasukan serta tidak lari dari falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Beliau menambah, antara kunci kumpulan UKAB RPNM menjayakan apa jua kegiatan adalah bermula dari keikhlasan dalam bekerjasama dan kesefahaman sebagai satu pasukan yang berperancangan, beretika, berdisiplin dan sentiasa berkompromi dalam pergerakkan.

# Kumpulan Nurhidayah lakukan kerja amal



AHLI Kumpulan Nurhidayah semasa melakukan aktiviti membersihkan dapur Masjid Perumahan Kampung Pandan, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 20 Januari. - Seramai 15 ahli dari Kumpulan Nurhidayah mengungkayahkan kerja amal membersihkan bahagian dapur Masjid Perumahan Kampung Pandan, di sini.

Penyelaras Kumpulan Nurhidayah, Dayang Rosnah binti Bee ketika ditemui oleh Pelita Brunei menjelaskan, "Selain menjadi penduduk dan tinggal berdekatan dengan masjid, kami berasa prihatin dengan keselesaan masjid, justeru itu, kami dengan sukarela dan bersetuju untuk melaksanakannya."

Menurut beliau, semua anggota masyarakat perlulah berganding bahu dalam melaksanakan kerja-kerja berfaedah terhadap kerja-kerja yang berkebajikan seumpama itu.

Segala amal baik yang dilakukan akan merealisasikan visi negara ke arah melahirkan masyarakat prihatin dan penyayang seperti yang diwar-warkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hal itu bertepatan dengan sikap selaku rakyat negara ini yang terkenal dengan adab dan nilai-nilai murni yang tinggi, selain dapat dijadikan contoh serta tauladan kepada masyarakat.

Kerja amal berkebajikan Kumpulan Nurhidayah itu akan dijadikan sebagai aktiviti mingguan, selain bergiat aktif menghadiri kelas-kelas memperbaiki bacaan Al-Quran dan berdikir.

# Kerja-kerja pengorekan terusan Timur PMB

Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam mengingatkan pelaut-pelaut bahawa kerja-kerja haluan pengorekan terusan Timur Pulau Muara Besar (PMB) bermula pada 15 Januari hingga 27 Ogos ini, yang mana akan menyebabkan pembatasan pada keselamatan pelayaran.

Kerja-kerja tersebut akan melibatkan pemasangan paip cerucuk besi dan pancang serta lampu navigasi, kerja pengorekan terusan sebelah Timur, pemasangan saluran paip terapung dan tenggelam serta pembuangan sisa pengorekan.

Antara isyarat amaran yang disediakan ialah lampu amaran berwarna merah ditanda bagi setiap 50 meter untuk paip terapung kepunyaan kapal-kapal pengorek, lampu amaran dipasang di atas kapal-kapal berkenaan dan pancang navigasi dengan lampu akan ditempatkan untuk menandakan kawasan pengorekan dan kawasan pembuangan.

Sehubungan itu, pelaut-pelaut diingatkan untuk berlayar dengan berhati-hati dan menjauhi diri dalam jarak yang selamat dari kawasan operasi dan mengamalkan sifat-sifat kepelautan yang terbaik ketika berada di dalam kawasan operasi tersebut.

Mana-mana kapal dikehendaki untuk menjauhi diri (100m) dari operasi. Kapal-kapal yang melalui kawasan terlibat hendaklah mengurangkan kelajuan pada kelajuan minima yang selamat.




# منجاݢ كبرسيهن

مسلمين يڠ درحمتي الله،

ماريله كيت منيڠكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دڠن ملاكوكن سڬل سوروهنڽ دان منيڠڬلكن سڬل لاراڠنڽ. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ برإيمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يڠ درحمتي الله،

كبرسيهن اداله ڤركارا يڠ ساڠت ڤنتيڠ انتوق كيت عملكن انتوق موجودكن كهيدوڤن يڠ صيحة. كبرسيهن بوكن سهاج ترتومڤو ڤد توبوه بدان، مكانن، ڤكاين دان تمڤة تيڠڬل ماهڤون كاواسن ڤرسكيترن كيت جوڬ ڤرلوله برسيه. كتهويله كورڠڽ كسدرن مشاركة اكن ڤنتيڠڽ منجاݢ كبرسيهن بوليه مڽببكن ڤرسكيترن نݢارا منجادي كوتور دان تيدق صيحة. اوليه ايت، اداله منجادي تڠڬوڠجواب كيت انتوق سام٢ منجاݢ كبرسيهن دان ڤرسكيترن رومه، ڤجابة، سكوله، مسجد، تمڤة٢ ريكرياسي، تمڤة٢ عوام دان سباڬايڽ.

ڤرلو دكتهوي، كبرسيهن اداله بركاءيتن راڤت دڠن كصيحتن، سام اد كبرسيهن ديري، ڤكاين، تمڤت تيڠڬل لبه٢ لاڬي كبرسيهن هاتي دان جيوا. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ممبرسيهكن ديريڽ اداله اورڠ٢ يڠ برجاي. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الأعلى أية ١٤:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

قَدۡ أَفۡلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلۡعَظِيمُ

تفسيرڽ:

**سسڠڬوهڽ برجاياله اورڠ يڠ منسوچيكن ديريڽ درڤد كوفور دان معصية.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

دالم موجودكن سواسان دان كاداءن يڠ برسيه، سموا ڤيهق ڤرلو سام٢ بركنديڠ باهو دان برڤرانن باڬي ممستيكن ديري سنديري، كلوارݢ، مشاركة دان نݢارا دالم كاداءن يڠ برسيه دان صيحة. كتهويله كورڠڽ كسدرن مشاركة اكن ڤري ڤنتيڠڽ منجاݢ كبرسيهن سڤرت ممبواڠ سمڤه بوكن ڤد تمڤة يڠ تله دسدياكن بوليه مڽببكن ڤرسكيترن كيت منجادي كوتور. لوڠكڠ٢ دان ساليرن اير ترسومبت، اير سوڠاي ترچمر، كوتور دان برباءو بوسوق، ڤمنداڠن تمڤة عوام دان كاواسن ڤرومهن جوڬ منجادي تيدق ايلوق دان سباڬايڽ. ماهڤون ڤركارا اين بوليه منداتڠكن كسن يڠ لبه بوروق لاڬي سڤرت بنجير، تياد اير برسيه انتوق كڬوناءن سهارين، وابق دان ڤڽاكيت برجڠكيت سماكين منولر يڠ دباوا اوليه بيناتڠ٢ كچيل سڤرت تيكوس، ليڤس، لالت دان ڽاموق. ڤركارا سڤرت اين جك تيدق دتاڠني سداري اول، سوده ستنتوڽ اكن ممبينكن ديري كيت، كلوارݢ، مشاركة دان نݢارا.

اوليه ايت، اداله منجادي تڠڬوڠجواب كيت سموا انتوق سام٢ منجاݢ كبرسيهن ڤرسكيترن رومه اتو دلوار رومه، ڤجابة اتو تمڤة٢ عوام ڤد ستياڤ ماس دان تمڤة سرت جاديكنله سيكڤ ممبرسيه ايت سباڬاي بودايا اتو عمالن هيدوڤ سهارين دمان جوڬ كيت براد اݢر كبرسيهن دان كصيحتن كيت، كلوارݢ، مشاركة دان نݢارا سنتياس ترجامين. سسڠڬوهڽ أݢام كيت ساڠت ممنتيڠكن دالم منجاݢ كبرسيهن سام اد كبرسيهن جسماني ماهوڤون روحاني. اين كران كبرسيهن مروڤاكن ڤكتور أوتام سبلوم ملاكوكن سبارڠ ڤكرجأن خصوصڽ دالم ملاكوكن عبادة كڤد الله سبحانه وتعالى. چونتوهڽ سبلوم منونيكن سمبهيڠ، كيت هندقله مندي دان ممبرسيهكن ديري دري سبارڠ ككوتورن يڠ اد ڤد توبوه بدان. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِبَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ؟ هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ ؟" . قَالُوا لاَ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ . قَالَ :فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ يَمْحُو اللهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا " { رواه إمام الترمذى }**

مقصودڽ:

**درڤد أبو هريرة رضي الله عنه اي بركات: سسڠڬوهڽ رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: باݢايمان ڤنداڤت كامو كالو اد سباتڠ سوڠاي دهادڤن ڤينتو رومه ساله سؤرڠ دري كامو، دي مندي ددالمڽ ليم كالي تيڤ٢ هاري؟ اداكه ماسيه تيڠڬل كوتورن ڤد توبوهڽ؟ ڤارا صحابة منجواب: سوده تنتو تيدق تيڠڬل سسوات ڤون درڤد كوتورن. بݢيندا مڽمبوڠ: مك بݢيتوله جوڬ ڤرومڤامأن سمبهيڠ ليم وقت. الله مڠهاڤوسكن دوسا٢ كچيل دڠن سببڽ.**

كران ايت أݢام كيت جوڬ ساڠت مڠمبيل برت تنتڠ ڤنجاݢأن كبرسيهن روحاني لبه٢ لاڬي كبرسيهن هاتي ياءيت دڠن منجاوهكن ديري درڤد صفة٢ مَذْمُومَه سڤرت صفة ماره، حسد دڠكي، كدكوت، ترلمڤاو باڽق ماكن، ترلمڤاو باڽق چاكڤ، كاسيهكن كمڬاهن، كاسيهكن دنيا، عُجُب ، تكبر دان ريا. سموا اين تيدق اكن داڤت دهيندركن جك كيت تيدق برأوسها انتوق منسوچيكن هاتي نوراني كران دري هاتيله ڤونچا سڬل ڤڽاكيت ظاهير دان باطن. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**عَنْ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ: أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ. أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ ". { رواه الإمام البخارى }**

مقصودڽ:

**درڤد نعمان بن بشير بركات، اكو منداڠر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: إيڠتله بهوا ددالم توبوه مأنسي ايت اد سكوڤل داره، اڤبيل اي بايق مك بايقله سلوروه جسد دان اڤبيل اي روسق مك روسقله كسلوروهن جسد دياله هاتي.**

سسڠڬوهڽ هاتي نوراني يڠ برسيه مندوروڠ كيت انتوق برأخلاق مليا، بركڤريبادين ترڤوجي، سنتياس مندكتكن ديري كڤد الله سبحانه وتعالى، سنتياس منجاݢ كبرسيهن ديري، تمڤة تيڠڬل، منجاوهي ماكن دان مينوم دري سومبر يڠ حرام دان شُبْهه، منوتوڤ عورة دان سباڬايڽ. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة فاطر أية ١٨:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفۡسِهِۦۚ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٨﴾

صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلۡعَظِيمُ

تفسيرڽ:

**دان سسياڤ يڠ منسوچيكن ديريڽ درڤد كفور دان معصية مك سسڠڬوهڽ دي منسوچيكن ديري انتوق كبايكن ديريڽ سنديري. دان كڤد الله جوال تمڤة كمبالي.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

سسڠڬوهڽ الله سبحانه وتعالى ممبري جامينن بهوا اورڠ يڠ برأوسها منسوچيكن جيواڽ درڤد سبارڠ ككوتورن هاتي اداله اورڠ٢ يڠ برجاي مندكتكن ديري كڤد الله سبحانه وتعالى دان ڤستي منداڤت ݢنجارن يڠ بسر، منكالا باڬي اورڠ٢ يڠ مڠوتوري جيواڽ دڠن صفة٢ كجي اداله اورڠ٢ يڠ روڬي كران اي اكن سماكين جاوه درڤد منداڤت رحمة دان رضاء الله سبحانه وتعالى .

أخيرڽ، سام٢له كيت منجاݢ كبرسيهن دالم كهيدوڤن كيت سهارين سام اد كبرسيهن دتمڤة عوام، تمڤت٢ ڤرسنديرين، توبوه بدان ماهوڤون كبرسيهن جيوا دان روحاني. مدهمداهن دڠن مڠعملكن كبرسيهن دالم كهيدوڤن كيت، نݢارا بروني دارالسلام منجادي سبواه نݢارا يڠ برسيه دان بيبس دري سبارڠ ڤڽاكيت دان مارا بهاي. سام٢له كيت بردعاء سموݢ الله سبحانه وتعالى سنتياس منجاديكن كيت اورڠ٢ يڠ سنتياس برتوبة، منسوچيكن ديري دان منجاديكن كيت همباڽ يڠ سنتياس مڠرجاكن عمل صالح. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيۡطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدۡ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾ صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلۡعَظِيمُ

{ سورة الشمس أية ٩-١٠ }

تفسيرڽ:

**سسڠڬوهڽ برجاياله اورڠيڠ منجاديكن ديريڽ يڠ سديا برسيه برتمبه٢ برسيه دڠن إيمان دان عمل كبجيقن. دان سسڠڬوهڽ همڤاله اورڠيڠ منجاديكن ديريڽ يڠ سديا برسيه ايت سوسوت دان تربنم كبرسيهنڽ دڠن سبب ككوتوران معصية.**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# Penyambungan Lesen Tumpang Sementara (LTS)

Oleh : Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan
dengan kerjasama
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor dari Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

**SEBAGAI** salah satu agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, pihak pengurusan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan sentiasa peka dalam memberikan kemudahan berurusan kepada pelanggan-pelanggannya.

Perkhidmatan Penyambungan Ekspres Lesen Tumpang Sementara (LTS) Awda atau nama singkatannya PEKA ialah satu sistem pengurusan bagi memastikan pemegang-pemegang tanah LTS yang membuat permohonan untuk menyambung lesen tahunan akan menerima kebenaran permohonan mereka pada hari yang sama.

Peka kepada kesulitan yang dihadapi oleh pemohon-pemohon sebelum ini dalam membuat urusan penyambungan lesen tanah-tanah mereka, proses penyambungan lesen telah dipermudahkan. Pemohon-pemohon hanya perlu datang sekali untuk berurusan bagi mendapatkan kebenarannya.

Pihak pengurusan Jabatan Tanah adalah komited dalam menjayakan perkhidmatan ini dan sistem ini telah dilaksanakan di Pejabat-pejabat Tanah di keempat-empat daerah bagi memastikan perkhidmatan ini berjalan dengan sempurna. Penyambungan LTS adalah kesinambungan kepada setiap permohonan LTS jika ia masih lagi diperlukan oleh pemegangnya. Ianya dipohonkan secara tahunan tiga bulan sebelum tarikh mansuh lesen.

Kebenaran penyambungan LTS akan memberikan pemegang LTS keistimewaan untuk terus menduduki tanah LTS bagi tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun, permohonan penyambungan LTS sering dikaitkan dengan dengan pelbagai masalah dari segi pengurusannya seperti kelambatan mengeluarkan kebenaran penyambungan, dokumen-dokumen tidak ditemui dan kutipan bayaran yang tertunggak.

Ini memberikan kesan-kesan yang negatif kepada pihak pengurusan pejabat dan menimbulkan ketidakpuasan hati pemohon. Untuk menyelesaikan cabaran ini, beberapa perubahan kepada proses-proses kerja yang ada telah dan akan dibuat hasil daripada perbincangan, percambahan fikiran (*brainstorming*), pengamatan, kajian dan maklum balas secara rambang dari pemohon-pemohon.

### Matlamat

Mencari tatacara pemprosesan permohonan penyambungan LTS yang lebih efektif dan efisien dari segi masa dan sumber.

Efektif di sini bermaksud :

- Penelitian permohonan kebenaran penyambungan yang lebih cepat;
- Pembayaran LTS boleh dibayar oleh pemohon sebaik saja kebenaran penyambungan diperoleh;
- Pemohon mendapatkan dokumen kebenaran penyambungan pada masa yang sama.

Manakala efisien bermaksud :

- Segala proses-proses kerja dan alirannya dikemas kini bagi mengurangkan kekangan, seperti kerja berulang-ulang dan mengelakkan geseran agar permohonan penyambungan LTS berjalan dengan lancar dengan mengoptimakan sumber tenaga kerja, masa dan peralatan-peralatan yang ada.
- Kaedah permudah, delegasi dan penyaringan (*countercheck*) juga turut digunakan dalam mencapai objektif.

### Penyelesaian

Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan permohonan penyambungan LTS, satu tatacara pemprosesan telah diperkenalkan. Tatacara yang diperkenalkan adalah pembaikan kepada tatacara sebelumnya dengan memendekkan proses-proses yang berkenaan tanpa mengorbankan proses penting, seperti penelitian ke atas fail pemohon. Ia juga membolehkan pemohon mendapatkan kebenaran penyambungan LTS sejurus permohonan dan pembayarannya dijelaskan di kaunter perkhidmatan pejabat. Pendek kata, ianya mempercepatkan bukan sahaja proses penerimaan pembayaran tetapi juga penyediaan dan pengeluaran kebenaran penyambungan LTS.

### Perubahan Proses Kerja

Kejayaan perlaksanaan tatacara pemprosesan yang baharu ini bergantung kepada komponen-komponen berikut :

- Penyediaan fail pemohon untuk memudahkan penelitian;
- Slip Edaran Tindakan yang komprehensif dan efektif yang dapat memberi penekanan keberkesanan tindakan seperti kiraan bayaran LTS, ulasan Bahagian Pemeriksaan dan sokongan Pegawai (Lampiran 3);
- Aliran (proses) kerja yang disingkatkan dan dipermudah.

Kerjasama dan komitmen semua kakitangan yang terlibat yang terdiri daripada :

- Kerani-kerani bertugas di kaunter perkhidmatan yang menerima permohonan dan mengelilingkan Slip Edaran Tindakan;
- Kerani-kerani di Unit Kewangan yang menerima pembayaran dan mengeluarkan resit;
- Pemeriksa Tanah Kanan yang membuat sokongan kepada permohonan;
- Pegawai Tanah yang memberikan kebenaran kepada permohonan;
- Kerani di Unit Pengurusan Fail yang mengedarkan fail pemohon.
- Jabatan Tanah yang mengadakan pemantauan berterusan.

Usaha untuk mempercepatkan penyambungan lesen tumpang sementara ini telahpun dipermudahkan melalui PEKA bermula pada 1 September 2017 bagi memudahkan pemohon untuk mendapatkan kebenaran penyambungan LTS pada hari yang sama permohonan tersebut dihadapkan.

Borang-borang penyambungan LTS boleh dibeli dan dihadapkan di Pejabat-pejabat Tanah daerah. Bagi Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, Tingkat 1 akan beroperasi dari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, iaitu bagi Kaunter Perkhidmatan (Penerimaan Borang Penyambungan LTS) dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 10.45 pagi dan pada sebelah petang ialah 1.45 petang hingga 2.45 petang.

Sementara bagi Kaunter Pembayaran (Pembayaran Cukai LTS) dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pada sebelah petang ialah 1.45 petang hingga 3.00 petang. Kedua-dua kaunter tersebut tidak beroperasi pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam.

Manakala di Pejabat Tanah Daerah Tutong, Belait dan Temburong, Kaunter Perkhidmatan (Penerimaan Borang Penyambungan LTS) dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 10.45 pagi dan pada sebelah pertang ialah 1.45 petang hingga 2.45 petang pada Isnin hingga Khamis. Begitu jua Kaunter Pembayaran (Pembayaran Cukai LTS) yang akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pada sebelah petang ialah 1.45 petang hingga 3.00 petang.

Bagi Kaunter Perkhidmatan dan Kaunter Pembayaran pada Sabtu, Kaunter Perkhidmatan akan dibukakan dari jam 8.00 hingga 10.45 pagi dan pada sebelah petang bermula dari jam 1.45 petang hingga 2.30 petang. Kaunter Pembayaran pula akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan dibuka semula pada jam 1.45 petang hingga 2.45 petang. Kaunter-kaunter tersebut akan ditutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam.



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
**www.recruitment.gov.bn**

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 8/1/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 22 JANUARI 2018**
**TARIKH TUTUP: 05 FEBRUARI 2018**

1. **SPEECH PATHOLOGIST / THERAPIST**
   **B.2 EB.3**
   BAHAGIAN II
   UNIT PENDIDIKAN KHAS
   KEMENTERIAN PENDIDIKAN
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**

2. **NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA**
   **G.9**
   BAHAGIAN III
   JABATAN PENGAJIAN ISLAM
   KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**

3. **PEGAWAI PENGUATKUASA**
   **C.2-3 EB.4**
   BAHAGIAN III
   JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
   KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**

4. **RENJER HUTAN**
   **D.3-4 EB.5**
   BAHAGIAN IV
   BAHAGIAN HIDUPAN LIAR
   KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**

5. **PENOLONG PEMERIKSA KERETA**
   **D.1-2-3 EB.4**
   BAHAGIAN IV
   JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
   KEMENETERIAN PERHUBUNGAN
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**

Search Result

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**

---

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM KEPADA ORANG RAMAI**

**PETI TAWARAN**
**TINGKAT 4**
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**

**TAWARAN**

TARIKH DIBUKA :
**22 JANUARI 2018 (ISNIN)**

TARIKH MELIHAT :
**22** hingga **27 JANUARI 2018**
**9.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

TARIKH DITUTUP / JAM :
**31 JANUARI 2018 (RABU)**
**Jam : 3.30 Petang**

**KETERANGAN :**
**1 LOT KERUSI**
**BANYAK : 7 UNIT**

**1 LOT MEJA**
**BANYAK : 9 UNIT**

**1 LOT KABINET**
**BANYAK : 1 UNIT**

**1 LOT MESIN RUMPUT**
**BANYAK : 1 UNIT**

**1 LOT VACUUM CLEANER**
**BANYAK : 1 UNIT**

**TEMPAT :**
**CAWANGAN DAERAH TUTONG**
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**BRUNEI DARUSSALAM**

**LOT 1**
**KEBENARAN :**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**
**RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 11**
**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**Syarat-syarat tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang persendirian.

2. Borang Tawaran dan syarat-syaratnya boleh diperoleh semasa waktu-waktu pejabat dibuka di **Tingkat 4 Bahagian Pentadbiran Am Ibu Pejabat, Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas** atau **Cawangan Daerah Tutong, Jabatan Kemajuan Perumahan, Brunei Darussalam** dan keterangan lanjut mengenainya supaya bolehlah menghubungi di talian **+673 2380281** atau **+673 2382145** (**ext. 7412** dan **716**)

3. Waktu-waktu yang telah ditetapkan bagi melihat semua barang-barang lelongan tersebut adalah seperti berikut :

**HARI / TARIKH :**
**Isnin, 22 JANUARI 2018**
**Selasa, 23 JANUARI 2018**
**Rabu, 24 JANUARI 2018**
**Khamis, 25 JANUARI 2018**
**Sabtu, 27 JANUARI 2018**

**WAKTU :**
**9.00 Pagi - 11.00 Pagi**

**TEMPAT :**
**CAWANGAN DAERAH TUTONG**
**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dan dimasukkan kedalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pemborong.

5. Tawaran hendaklah dimasukkan di dalam **Peti Tawaran di Bahagian Pentadbiran Am, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas** tidak lewat pada hari **Rabu, 31 Januari 2018 jam 3.30 Petang.**

6. Pembida yang berjaya akan dimaklumkan melalui persuratan jabatan dan dikehendaki untuk membuat pembayaran secara tunai ke jabatan ini tidak lewat (7) hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan dan pembida adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memindahkan barang-barang lelongan yang berjaya dibida dari tempat lelongan dengan serta merta.

---

## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**JABATAN BANDARAN,**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL**
**DALAM NEGERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran itu tanpa menunjukkan **identiti pengirim.**

3. Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 & 17 dari akta Nama-Nama Perniagaan (*Business Names Act*) dan syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai bidang atau kepakaran dalam kerja-kerja pembersihan dalam dan luar bangunan adalah diutamakan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.

5. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce** dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Jalan James Pearce**
**Bandar Seri Begawan, BS8610**
**Negara Brunei Darussalam**

**TAJUK :**
**1. TENDER FOR KIOSKS MANAGEMENT AND SALES AT TAMAN MAHKOTA JUBLI EMAS**

**BILANGAN TAWARAN :**

**JBBSB / LTK / 2017-2018 / 06 / UPPI**

Tarikh tawaran :
**22, 24, 27, 29, 31 Januari 2018**
**3, 5, 7, 10, 12, 14, 17, 19, 21 dan 26 Februari 2018**
Tarikh tutup tawaran :
**Selasa, 27 Februari 2018**
**Jam : 2.00 Petang**
Tarikh Info Day : **7 Februari 2018**
Tempat :
**Planning Information Centre, Bangunan Pusat Komersil Bumiputera, Ground Floor, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan**
**Jam : 9.00 Pagi.**

6. Bayaran yuran e-dokumen bagi menyertai Tawaran ini ialah BND5.00 bagi setiap tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibuat di :

**Kaunter**
**Bahagian Perkhidmatan Pelanggan**
**Tingkat 3, Jabatan Bandaran**
**Bandar Seri Begawan**
**Jalan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam.**

7. *Compact Disc* (CD) dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari **Unit Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 5, Jalan Perdana Menteri, BA1512**. Tarikh pengambilan e-dokumen bermula **Isnin, 22 Januar 2018, jam 9.00 Pagi** hingga **4.00 Petang** dan tarikh terakhir bagi mendapatkan e-dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Khamis, 22 Februari 2018, jam 9.00 Pagi.**

8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

9. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih tinggi atau seumpamanya.

---

## JABATAN DAERAH TEMBURONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL**
**DALAM NEGERI**

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA-KETUA KAMPUNG DAERAH TEMBURONG**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI**

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I**
**PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**
**atau**
**KETUA KAMPUNG TINGKAT II**
**PMKK.2 (BND1,990 - BND2.970)**
**atau**
**KETUA KAMPUNG TINGKAT III**
**PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

**Bagi**

**1. KAMPUNG SELANGAN, PARIT DAN BIANG MENENGAH, MUKIM AMO**
**2. KAMPUNG SIBUT, MUKIM AMO**
**3. KAMPUNG AMO, MUKIM AMO**
**4. KAMPUNG SUMBILING, MUKIM AMO**
**5. KAMPUNG BELAIS DAN BUDA-BUDA, MUKIM BOKOK**
**6. KAMPUNG BOKOK, MUKIM BOKOK**
**7. KAMPUNG MENENGAH, MUKIM BANGAR**
**8. KAMPUNG BELINGOS, MUKIM BANGAR**
**9. KAMPUNG BATANG TUAU, MUKIM BANGAR**
**10. KAMPUNG PUNI, MUKIM BANGAR**
**11. KAMPUNG BATU APOI, MUKIM BATU APOI**
**12. KAMPUNG TANJUNG BUNGAR, MUKIM BATU APOI**
**13. KAMPUNG PIASAU-PIASAU, MUKIM LABU**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung-kampung tersebut di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung di kampung berkenaan.

**TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran**
**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Temburong**
**Daerah Temburong**
**Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Rabu, 12 Jamadilakhir 1439** bersamaan **28 Februari 2018, jam 4.00 Petang.**

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**BIL. SEBUT HARGA :**
**KHEU / JPI / JKS / 08 / 2017 2018**

**KETERANGAN TAWARAN :**
**Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Akademik Ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah Bagi Tahun 2018, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1438H - 1439H / 2017M - 2018M**

**BAYARAN YURAN :**
**Tidak dikenakan sebarang Bayaran**

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat **Surat Kebenaran untuk berniaga dari Jabatan Perdana Menteri.**

3. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** serta **CAP SYARIKAT** semasa mengambil borang sebut harga.

4. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di :

**Jabatan Pengajian Islam**
**Bahagian Kewangan**
**Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping**
**Bandar Seri Begawan, BA1311**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Pemohon hendaklah menggunakan **BORANG ASAL** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

6. Setiap borang sebut harga hendaklah ditulis dan diisi dengan lengkap dan di**CAP SYARIKAT** dengan menggunakan dakwat berwarna **BIRU / HITAM** sahaja (bukan dengan pensil atau bahan yang mudah dipadam).

7. Borang sebut harga serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dan hendaklah ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti syarikat dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**TINGKAT 1, BAHAGIAN KEWANGAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**JALAN MENTERI BESAR, BB3910**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tarikh tutup tidak lewat pada :
**Rabu, 14 Jamadilawal 1439H / 31 Januari 2018M,**
**tidak lewat jam 2.00 Petang.**

8. **TARIKH AKHIR MENGAMBIL BORANG SEBUT HARGA ADALAH PADA : Sabtu, 10 Jamadilawal 1439H / 27 Januari 2018M** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Pagi** hingga **4.00 Petang.**

9. Setiap satu borang sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

10. Borang sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan waktu / masa yang telah ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

11. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang sebut harga :
**Isnin hingga Khamis dan Sabtu**
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**
**2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

---

MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**T / LA / 44 / 2017**

**KENYATAAN**
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORAZIMAN BIN ZAKARIA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ZAKARIA BIN HAJI AMIN** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **27 JANUARI 2018, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadirdan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 Januari 2018.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**T / LA / 31 / 2017**

**KENYATAAN**
BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SUKMAWATTY BINTI HAJI MOHD. IDRUS** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SUKRI BIN HAJI ABDULLAH** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **27 JANUARI 2018, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadirdan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 Januari 2018.

**DK. NORAFIDAH**
**BINTI PG. HAJI BUNGSU**
**B/P. TIMBALAN PEGAWAI WARIS TUTONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

---

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**REQUEST FOR PROPOSALS (RFP)**

Open Invitation for Proposals

A) TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN AN ECO CHALET TYPE RESORT AT BATANG DURI, TEMBURONG BRUNEI DARUSSALAM [ Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 15 ]

B) TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN A RIVER CENTRE AT BATANG DURI, TEMBURONG, BRUNEI DARUSSALAM [Reference No. : MPRT / RFP / 2017 / 16 ]

**A) TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN AN ECO CHALET TYPE RESORT AT BATANG DURI, TEMBURONG BRUNEI DARUSSALAM**
**Reference No. :**
**MPRT / RFP / 2017 / 15**

The Tourism Development Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and maintain an Eco Chalet Type Resort at Batang Duri, Temburong, Brunei Darussalam.
The objective of this project is:
1. To create a comprehensively planned Eco Chalet Type Resort integrating elements of a luxurious, sustainable, safe, reliable, attractive as well as an affordable tourism product at the designated area of Kampung Batang Duri, Temburong that can be enjoyed by both domestic and foreign visitors;
2. Accommodation selection that is comfortable and of high standards.
3. To provide a range of outdoor and indoor facilities complementing existing activities that are currently available by tour operators in Kampung Batang Duri, Temburong.
4. To generate employment by engaging the local communities;
5. To create business opportunities through collaboration and partnership by engaging the local communities;
6. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism product.
More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.
For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an e-mail to *rfp@mprt.gov.bn* with subject heading, **MPRT / RFP / 2017 / 15 Proposals To Invest, Develop, Operate and Maintain an Eco Chalet Type Resort at Batang Duri, Temburong in Brunei Darussalam**, attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.

**B) TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN A RIVER CENTRE AT BATANG DURI, TEMBURONG, BRUNEI DARUSSALAM**
**Reference No. : MPRT / RFP / 2017 /16**

The Tourism Development Department, Ministry of Primary Resources and Tourism invites proposals from interested parties to invest, develop, operate and maintain a River Centre at Batang Duri, Temburong, Brunei Darussalam.
The objective of this project is :
1. To build a River Centre as a waiting area for visitors before embarking to Ulu Ulu Resort and Ulu Temburong National Park. The River Centre will be integrated with appropriate facilities for tourists and stakeholders;
2. To generate employment by engaging the local communities;
3. To create business opportunities through collaboration and partnership by engaging the local communities; and
4. To encourage participation of private sectors to have co-ownership of the tourism product.

More detailed information and guidelines for submitting proposals will be provided in the Request for Proposals (RFP) document.
For all correspondence and registration of the RFP, interested parties should send an e-mail to *rfp@mprt.gov.bn* with subject heading, MPRT / RFP / 2017 / 16 Proposals To Invest, Develop, Operate and Maintain a River Centre at Batang Duri, Temburong, Brunei Darussalam, attaching information on the company, relevant experience as well as contact details.
Completed proposals above should be submitted no later than 2.00 Pm on Tuesday, 6th February 2018 in a sealed envelope clearly labelled as below :

**MPRT / RFP / 2017 / 15**
**PROPOSALS TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN AN ECO CHALET TYPE RESORT AT BATANG DURI, TEMBURONG IN BRUNEI DARUSSALAM**

Tender Box
Ground floor
Ministry of Primary Resources and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Brunei Darussalam.
and / or

**MPRT / RFP / 2017 / 16**
**PROPOSALS TO INVEST, DEVELOP, OPERATE AND MAINTAIN A RIVER CENTRE AT BATANG DURITEMBURONG, BRUNEI DARUSSALAM**

Tender Box
Ground floor
Ministry of Primary Resources and Tourism
Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Brunei Darussalam.

---

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**04 / JPD / JKSH / 20172018**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN DI KOMPLEKS LITAR UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU, KG. SUNGAI AKAR JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong** semasa waktu pejabat, iaitu **8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan dari **2.00 Petang** hingga **4.00 Petang** dengan membawa bersama salinan sijil pendaftaran perniagaan untuk rujukan.
3. Setiap borang sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan disertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan perkara yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong serta menyatakan Bilangan dan Tajuk sebut harga dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

**Pengerusi**
**Jawatan Kuasa Sebut Harga**
**Ibu Pejabat**
**Jabatan Pengangkutan Darat**
**Tingkat 4**
**Jalan Beribi Gadong, BE1110**
**Brunei Darussalam.**

4. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga berkenaan pada hari **Selasa, 23 Januari 2018, jam 2.00 Petang**. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.

## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Tajuk Tawaran :**
**1) UNISSA / SB00029 / 2016 / 2017**
**SUPPLY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISIONING OF NETWORK ON INFRASTRUCTURE FOR BUNGALOW C4 UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**2) UNISSA / SB00030 / 2016 / 2017**
**DIAGNOSING, FIXING, TESTING & MIGRATING OF UNIVERSITY MANAGEMENT SYSTEM (UMS) TO EGNC DATA CENTRE FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :
**BAHAGIAN KEWANGAN**
**TINGKAT 1**
**BANGUNAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**
**SIMPANG 347**
**JALAN PASAR BAHARU**
**GADONG, BE1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PETI TAWARAN**
**PENGERUSI SEBUT HARGA**
**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**
**SIMPANG 347**
**JALAN PASAR BAHARU**
**GADONG, BE1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Isnin, 30 Januari 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Siji1 pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Siji1 Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. TAWARAN :**
**UBD / E8 / 014 / 2017**

**KETERANGAN :**
**FOUR (4) MONTHS TERM CONTRACT OF PREVENTIVE MAINTENANCE AND CORRECTIVE WORKS TO UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BUILDING INFRASTRUCTURE**

**BAYARAN DOKUMEN DAN PENTADBIRAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran & Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam **2.00 PETANG** pada **SELASA, 23 JANUARI 2018.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.

4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada :
**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG**
**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
**JALAN TUNGKU LINK, BE1410**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh dari Universiti Brunei Darussalam.

7. Bayaran dokumen dan pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan WANG TUNAI.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.30 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
1.45 Petang hingga 3.30 Petang

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

9. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari *http:// www.ubd.edu.bn.*

## JABATAN PERKHIDMATAN POS
## KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**The Supply and Delivery of 15 Units Auto Level Trolley**

**Rujukan Tawaran :**
**POS / T / 29 / JPP / 2017-2018**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.

3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati :

**Bahagian Kewangan**
**Tingkat 1, Pejabat Besar Pos**
**Bandar Seri Begawan BS8611**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

**Dialamatkan kepada :**
**PETI SEBUT HARGA**
**Tingkat 1, Bahagian Kewangan**
**Pejabat Besar Pos**
**Bandar Seri Begawan, BS8611**
**Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Selasa, 30 Januari 2018, Jam 2.00 Petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyatakan tempoh pembekalan dan tempoh sah harga dan menyertakan :

**a. Salinan lesen rampaian yang sah;**
**b. Salinan sijil pendaftaran perniagaan 16 & 17**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

## JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR**

**BILANGAN TAWARAN :**

**MOE / LTK / 70 / 2017 / 2018**

**(JPK - JAN - 2018]**

**KETERANGAN :**

**TAWARAN TERBUKA BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TERUS BUKU AKTIVITI PRASEKOLAH KE SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DAN JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN :**

**BND30.00 [bayaran dokumen tawaran dan BND5.00 E-Dokumen tidak dikembalikan]**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**

**23 JANUARI 2018**

**[tidak lewat jam 2.00 Petang]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN**

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**

**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN

TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran Tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang Tawaran boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**BLOK 'A', TINGKAT 1**
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEWANGAN 'A'**
**LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pendidikan seperti alamat di atas.

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Untuk maklumat dan syarat-syarat lanjut, penender bolehlah merujuk ke Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

## JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
## KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**JABATAN KAJICUACA
BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN
PERHUBUNGAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi :
**"CUSTOMER WEATHER AND CLIMATE OPERATIONAL DATA REQUEST INTERFACE FACILITY FOR BRUNEI DARUSSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

Sebut Harga bagi perkhidmatan / pembekalan :
**"CUSTOMER WEATHER AND CLIMATE OPERATIONAL DATA REQUEST INTERFACE FACILITY FOR BRUNEI DARUSSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT"**

**Sebut Harga Bilangan :
JKBD / 2017 / SH-25**

**Tarikh Tutup :
Rabu, 31 Januari 2018
sebelum jam 2.00 Petang**

**Kepada :**

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Blok B23 Flat Anggerek Desa
Simpang 32 - 37
Kampung Anggerek, BB3713
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** (waktu bekerja rasmi kerajaan) yang bertempat di **Aras Permukaan, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, di alamat Blok B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32 - 37, Kampung Anggerek, BB3713, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Rabu, 31 Januari 2018**.

4. Dokumen tawaran boleh diperoleh semasa waktu-waktu bekerja dengan harga BND5.00 senaskhah (tidak dikembalikan) dari :

**Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32 - 37
Kampung Anggerek, BB3713
Negara Brunei Darussalam.**

5. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan di atas tidak akan diambil kira dan akan ditolak.

6. Keterangan perkhidmatan / pembekalan yang dikehendaki adalah seperti di dalam **BORANG TAWARAN** dan lampirannya yang disertakan. Jumlah harga tawaran hendaklah ditulis dengan lengkap dan jelas demi mengelakkan sebut harga berkenaan ditolak. **Syarikat mestilah membubuh tandatangan dan cap rasmi syarikat pada borang tersebut. Mana-mana sebut harga yang dihantar tanpa menggunakan BORANG TAWARAN asal boleh menyebabkan sebut harga ditolak.**

7. Perkhidmatan / pembekalan yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam **Lampiran TS** (Spesifikasi Teknikal).

8. Sebut Harga hendaklah sah sehingga **120 hari** dari tarikh tutup pelawaan sebut harga ini.

9. Bagi tawaran yang dibukakan semula (*retender*), mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama-sama resit pembayaran yuran tawaran bagi tawaran asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen *retender* untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

10. Borang tawaran hendaklah dikembalikan walaupun syarikat tidak dapat memberikan sebut harga, iaitu dengan mencatat / menulis **TIADA TAWARAN** atau **NO QUOTE** dalam borang berkenaan

11. Pihak penender hendaklah menyatakan bersama tawaran ini perkara-perkara berikut :
a. Sijil Pendaftaran Perniagaan;
b. EFT Form dan Vendor Form;
c. Penyata Pengakuan Penender dan Borang Pengakuan Penender;
d. Salinan Resit Yuran;
e. Salinan Track Record bagi pembekalan yang pernah dilakukan.

12. Untuk makluman waktu bekerja rasmi kerajaan ialah :
**Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu**
**7.45 Pagi** hingga **12.15 Tengah Hari**
**1.30 Petang** hingga **4.30 Petang.**

13. Penerangan selanjutnya bolehlah diperoleh daripada :
**Awang Mohd Noor'Arifin bin Haji Awang Yussof
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam Blok 823
Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan, BB3713
Negara Brunei Darussalam.**
No. Telefon : **+673 2381342**
Faksimile : **+673 2343134**

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## PEJABAT PEGUAM NEGARA
## JABATAN PERDANA MENTERI

**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAWARAN SEBUT HARGA :
JPN / K / 1 / 11 / TT / 2018 / 21**

**TAWARAN PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KAWASAN LUAR / DALAM BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan bagi Pemeliharaan Kawasan Luar / Dalam bagi Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap pemborong hendaklah membuat salinan cetakan Hard Copy (*binding*) daripada cekera padat (CD) yang diperolehi dari pejabat ini dan memasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang beralamat seperti dibawah :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Tingkat II, Bangunan Undang-Undang
dan Mahkamah-Mahkamah,
Pejabat Peguam Negara,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,
Negara Brunei Darussalam.**

**tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 23 Januari 2018.**

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan nama **Tawaran Pemeliharaan Kawasan Luar / Dalam Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.**

5. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar ke **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pengurusan, Seksyen Pengurusan Aset dan Perkhidmatan Am, Tingkat I, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, bagi mendapatkan CD dengan harga BND5.00 (tunai). Wang ini tidak akan dikembalikan.**

<u>**Waktu Menerima Bayaran**</u>
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

6. Tawaran ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun.

7. Cekera Padat (CD) dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperoleh seperti alamat yang dinyatakan di perenggan 5 di atas.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Banginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua tawaran.

## JABATAN POS
## KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**SPESIFIKASI
Sewa Ruang-Ruang
Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait
Rujukan :
POS / T / 27 / JPP / 2017-2018**

MAKLUMAN am dan syarat-syarat perjanjian :

1. Ruang-ruang tersebut terletak di Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran adalah **BND10.00** (bagi jumlah sewa tidak lebih dari BND100,000 untuk tempoh perjanjian selama tiga (3) tahun) atau **BND30.00** (bagi jumlah sewa lebih dari BND100,000 sehingga BND250,000 untuk tempoh perjanjian tiga (3) tahun).

3. Sebut Harga ini dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Salinan kad pengenalan dan sijil pendaftaran perniagaan (Business of Enactment Section 16 & 17) hendaklah disertakan bersama borang tawaran.

4. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki untuk menyatakan keterangan ringkas mengenai dengan jenis perniagaan yang akan dijalankan diruang tersebut.

5. Tawaran sebut harga hendaklah dikembalikan kepada :
**Peti Sebut Harga
Unit Kewangan, Tingkat 1
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh terakhir menghantar sebut harga tidak lewat **Selasa, 23 Januari 2018, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menyatakan nama atau logo syarikat dan hendaklah menulis disebelah atas kiri dengan **Tawaran Sewa Ruang-Ruang Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait.**

7. Alat-alat perkakas yang diperlukan akan disediakan sendiri oleh syarikat yang berjaya.

8. Syarikat yang berjaya tidak dibenarkan untuk menyewakan kepada pihak ketiga (*third party*).

9. Syarikat hendaklah menyatakan cadangan tawaran harga sewa bagi kelayakan untuk mendapatkan ruang kaunter berkenaan dengan kadar tawaran harga terendah (minima), iaitu **BND600.00 sebulan**.

10. Syarikat boleh memberikan tawaran sewa untuk satu unit atau kesemua ruang (tertakluk kepada pilihan syarikat itu sendiri) tidak kurang daripada jumlah kadar minima sewa yang telah ditetapkan.

11. Tempoh penyewaan adalah selama **tiga (3) tahun**.

12. Pemasangan dan penggunaan telefon, elektrik dan internet adalah ditanggung oleh syarikat.

13. Syarikat yang berjaya hendaklah menghadapkan sijil rampaian.

14. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab memastikan bahawa kawasan ruang sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih.

15. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati di :

**Unit Kewangan, Tingkat 1
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan, BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh daripada Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 3 Januari 2018.** Sila layari *website* Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah**
**Kementerian Kesihatan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa pada 30 Januari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**

**Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

a) Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sahlaku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

b) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).

c) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 237 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 238 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 239 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 240 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 241 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 242 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 243 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 244 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 245 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 246 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 247 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**PHARM / 248 / 2017**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 44 / 2017**
**(ESTETRIPASH)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF MAINTENANCE SERVICES FOR STEAM BOILERS AND ASSOCIATED EQUIPMENT UNDER RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF SIX (6) MONTHS**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pembangunan**

**Kelas : - Kategori : -**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 45 / 2017**
**(ESTETRIPASH)**
**KETERANGAN :**
**ONE YEAR TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE AND REPAIR OF GENERATOR SET IN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan**

**Kelas : -**
**Kategori : M03, E01, E02 dan E03**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 46 / 2017**
**(ESTETRIPASH)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF COMPREHENSIVE MAINTEN ANCE SERVICES FOR LIFTS AND DUMBWAITERS AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal : Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan**

**Kelas : -**
**Kategori : KPME02**
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 47 / 2017(LAB)**
**KETERANGAN :**
**TO SUPPLY AND DELIVER NITRILE EXAMINATION GLOVES FOR PHLEBOTOMY AND BLOOD DONATION SERVICES AT RIPAS HOSPITAL, DISTRICT HOSPITALS AND HEALTH CENTRES, CLINICAL LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**TARIKH TUTUP TAWARAN-TAWARAN :**
**30 JANUARI 2018**
**(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

IKLAN *WEBSITE* PADA
**3 JANUARI 2018**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

**<u>BILANGAN TAWARAN :</u>**
**JPA / KPA / TEND / 01 / 2018**

**PEMELIHARAAN KEBERSIHAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN SERTA KAWASAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPUNG MENTIRI BAGI TAHUN 2018 - 2021 (3 TAHUN)**

**<u>Syarat-Syarat Tawaran :</u>**

1. DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dan diluluskan oleh Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori-kagetori kerja; Kelas I (4c) dan II (4c). Tempoh tawaran adalah selama tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

2. Tawaran hendaklah dihantar kepada :

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**LANTAI BAWAH 1**
**JALAN MENTERI BESAR**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Tarikh tutup tawaran ialah pada **SELASA, 23 JANUARI, JAM 2.00 PETANG.** Mana-mana tawaran yang **lewat diterima** dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul serta jelas menggunakan borang yang disediakan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dengan membubuh bilangan dan tajuk tawaran di sebelah kiri sampul surat tanpa membubuh nama syarikat / pembekal.

5. Tawaran hendaklah disertakan dengan sijil perniagaan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan diakui masih sah laku.

6. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperoleh dari :

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**
**TINGKAT 4, BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**
**LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusaslam tidak semestinya menyokong tawaran yang paling rendah.

**PEJABAT PENERBANGAN**
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**NOTIS TAWARAN BILANGAN :**
**<u>HMSF / TDR / 06 / 2017</u>**

**TAJUK :**
**SUPPLY, DELIVERY, TESTING AND COMMISION OF AVIATION FUEL HYDRANT DISPENSER FOR FUEL FARM DEPOT FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT**

**<u>SYARAT-SYARAT TAWARAN :</u>**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah dan mempunyai kepakaran dalam memperoleh dan mendatangkan barangan jenis Jentera Dispenser Hidran (Truck Mounted Hydrant Dispenser) serta sijil-sijil perakuan yang bersesuaian.

2. Dokumen tawaran yang berharga BND100.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperoleh dari Unit Pemantauan, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 dan 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **8 Januari 2018.**

3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama sijil pendaftaran perniagaan semasa melakukan pembayaran.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam **2.00 Petang**, **Isnin, 5 Februari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan.

8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN / 4 (39 / 1997).

10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**<u>TAWARAN NO :</u>**
**JPPK / LTN / 23 / 2017**
**MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDINGS, CIVIL ENGINEERING & WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT DEFENCE ACADEMY, KG. TANAH JAMBU**

**<u>TAWARAN NO :</u>**
**JPPK / LTN / 28 / 2017**
**MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDINGS, CIVIL ENGINEERING & WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT AIRBASE, RIMBA**

**<u>TAWARAN NO :</u>**
**JPPK / LTN / 29 / 2017**
**MAINTENANCE REPAIR WORKS TO BUILDINGS, CIVIL ENGINEERING & WASTE MANAGEMENT WORKS FOR THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES AT TUTONG GARRISON**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**<u>DOKUMEN "SCHEDULE OF RATES" (VOL 1 & 2) :</u>**
**BND500.00 SATU SET**
**(tidak dikembalikan)**

**<u>KELAS :</u> IV & KE ATAS**

**<u>KATEGORI</u> : KA01, B01 & S01**
**<u>TEMPOH PENYIAPAN :</u>**
**DUA BELAS (12) BULAN**

**<u>SYARAT SYARAT TAWARAN :</u>**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 23 Januari 2018.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari hari bekerja (Isnin hingga Selasa). **<u>Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 12 Januari 2018, Jumaat, jam 11.00 Pagi.</u>**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**<u>Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :</u>**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

**Penggunaan dokumen MINDEF Standard Schedule of Rates : 2015 Edition (S.O.R) adalah diperlukan bagi tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, penender yang pernah membeli dokumen tambahan S.O.R di atas melalui tawaran-tawaran yang dikeluarkan sebelumnya tidak perlu membuat pembelian semula, asalkan penender menunjukkan resit pembayaran terdahulu bagi dokumen S.O.R.**

**Bagi penender yang tidak pernah membeli dokumen S.O.R, pembelian adalah dimestikan.**

f. **<u>Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.</u>**

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**
**DAERAH BRUNEI MUARA**

**PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005**

**SAMAN GANTIAN DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SAMAN NO. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 701 / 09-2017**

**ANTARA**
**SA'ADIAH BINTI TARSAT**
**- Plaintif (Pemohon)**

**DAN**

**MOHAMMED ABBAS BIN WAHID**
**- Defenden (Responden)**

**KEPADA :**
**MOHAMMED ABBAS BIN WAHID**
**NO. KAD PENGENALAN : 00-114391 (KUNING)**
**BERALAMAT : TIDAK DIKETAHUI**

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syari'e kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara** pada **Khamis** pada **15 Jamadilawal 1439H / 1 Februari 2018M**, pukul **2.30 petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh : 24 Safar 1439H / 13 November 2017M.

**(METERAI)**
**Mahkamah Rendah Syariah**
**Daerah Brunei dan Muara**
**Negara Brunei Darussalam.**

---

**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NOTIS MENGENAI
DIVIDEN TERAKHIR

**Nama Penghutang** - Haji Omar bin Haji Lusin (IC No. 00-253037). **Alamat** - No 52, Simpang 55 - 4, Jalan Tanjung Kudus, Kg. Panchor Mengkubau, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 333 - 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Terakhir. **Bila dibayar** - 15 November 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : 8 November 2017.

**Timbalan Pegawai**
**Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam.**

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk:

**A) "THE PROVISION OF 10G LINK FOR CCTV, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**

**B) "THE PROVISION OF GENERAL MAINTENANCE OF 11 UNITS OF CIMC PASSENGER BOARDING BRIDGE (PBB) AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**"THE PROVISION OF 10G LINK FOR CCTV, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**

**Bilangan Sebut Harga :**
**ATELS / 2017 / SH- 16**
**Tarikh tutup :**
**24 JANUARI 2018 (Rabu)**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat**
**Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

atau

**"THE PROVISION OF GENERAL MAINTENANCE OF 11 UNITS OF CIMC PASSENGER BOARDING BRIDGE (PBB) AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"**

**Bilangan Sebut Harga :**
**ATELS / 2017 / SH- 17**
**Tarikh tutup :**
**24 JANUARI 2018 (Rabu)**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat**
**Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 24 Januari 2018**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei :

**Telefon : +673 2330142 sambungan 1221 / 1482**
**Faksimile : +673 2333666**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang *http://www.mincom.gov.bn/dca*

---

**KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN KASTAM :**
**AUCTION / 1 / 2018**

**JUALAN LELONG ENJIN OUTBOARD JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KETERANGAN ENJIN :**

1. YAMAHA 15 HP. Jumlah : 2
2. YAMAHA 40 HP. Jumlah : 1
3. YAMAHA 60 HP. Jumlah : 8
4. YAMAHA 85 HP. Jumlah : 8

**TAWARAN KASTAM :**
**AUCTION / 2 / 2018**

**JUALAN LELONG BOT JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KETERANGAN PERAHU :**

1. PERAHU KAYU. Jumlah : 6
2. PERAHU FIBERGLASS. Jumlah : 3

**TAWARAN KASTAM :**
**AUCTION / 3 / 2018**

**JUALAN LELONG KENDERAAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. PENDAFTARAN DAN MODEL:**

1. No. Pendaftaran : BG1274.
   Model : NISSAN SUNNY
2. No. Pendaftaran : BG1275.
   Model : MITSUBISHI PAJERO
3. No. Pendaftaran : BG1276.
   Model : FORD TRANSIT
4. No. Pendaftaran : BG1277.
   Model : HYUNDAI ATOS
5. No. Pendaftaran : BG1278.
   Model : HONDA ODESSEY
6. No. Pendaftaran : BG1280.
   Model : TOYOTA CROWN
7. No. Pendaftaran : BG1256.
   Model : MITSUBISHI SPACE WAGON
8. No. Pendaftaran : BG1257.
   Model : MITSUBISHI GRANDIS

**Tempat melihat / Lokasi :**
**Ibu Pejabat**
**Jabatan Kastam dan Eksais Diraja,**
**Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910,**
**Negara Brunei Darussalam**

9. No. Pendaftaran : BG3633.
   Model : TOYOTA VIOS
10. No. Pendaftaran : BG3640.
   Model : NISSAN X-TRAIL
11. No. Pendaftaran : BG1273.
   Model : ISUZU TRUCK

**Tempat melihat / Lokasi :**
**Gudang Jabatan Kastam**
**dan Eksais Diraja**
**Bahagian Penguatkuasaan**
**Undang-Undang**
**Cawangan Muara**
**Jalan Belangkas, Muara**
**Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tempat mengambil borang :**
Ibu Pejabat Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja
Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh mengambil borang pada:**
22 hingga 25 Januari 2018
dan 27 Januari 2018

**Tarikh tutup mengantar borang sebut harga pada :**
30 Januari 2018, jam 2:00 Petang

**Tarikh melihat enjin outboard, bot dan kenderaan pada :**
25, 27 dan
29 Januari 2018

**Jam melihat enjin outboard, bot dan kenderaan :**
9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

**Lokasi melihat enjin outboard dan bot :**
Gudang Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja
Bahagian Penguatkuasaan
Undang-Undang
Cawangan Muara
Jalan Belangkas, Muara
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Negara Brunei Darussalam.

**SYARAT DAN PERATURAN :**

1. Jualan lelong enjin outboard, bot dan kenderaan ini adalah seperti adanya (*as it is*).
2. Tidak ada jaminan selepas jualan.
3. Semua pembayaran hendaklah dibayar secara tunai sahaja.
4. Penyertaan jualan lelong dalam borang yang dihadapkan tidak boleh dibatalkan atau menarik diri dari tawaran.
5. Peserta yang berjaya akan dihubungi melalui talian telefon anda.
6. Peserta yang berjaya hendaklah mengambil enjin *outboard* / bot / kenderaan dengan membuat pembayaran tunai dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pemberitahuan.
7. Jualan lelong enjin *outboard*, bot dan kenderaan ini tidak boleh dikembalikan selepas jualan dan wang tidak akan dikembalikan.
8. Tidak ada penukaran harga dibenarkan selepas makluman kejayaan.
9. Tarikh tutup bagi tawaran lelong ini adalah pada **30 Januari 2018, jam 2.00 Petang.**
10. Borang penyertaan lelong hendaklah di masukan ke dalam peti tawaran Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, di Lantai Dasar bangunan Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Brunei Darussalam.




# YAS Brunei perjuangkan hak kemanusiaan



DAYANG Norhayatunajibah binti Haji Kifli (enam, kanan) dan Dayang Amal Kasibah binti Bahari (lima, kiri) bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke negara ini, Tuan Yang Terutama Craig Allen (enam, kiri) dan Ahli-ahli YAS Brunei dan para panel Dialog 'Stories of Migrant 2 : Dialogue and Exhibition' yang diadakan Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**
**Foto : Ihsan YAS Brunei**

BERJUANG untuk memberi kesedaran orang ramai tentang bahayanya penyeludupan manusia dan juga penghambaan moden, dua Belia Berwawasan ini bergabung menubuhkan Youth Against Slavery Brunei (YAS Brunei) yang merupakan produk Inisiatif Pemimpin Asia Tenggara (YSEALI). Projek tersebut disokong oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, International Organisation for Migration (IOMx) dan The United States Agency for International Development (USAID) melalui YSEALI.

YAS Brunei diasaskan oleh Dayang Norhayatunajibah binti Haji Kifli, 28 tahun dan Dayang Amal Kasibah binti Bahari, 22 tahun. Kedua-duanya berada dalam dua bidang berbeza namun berkongsi visi yang sama. Dayang Norhayatunajibah merupakan seorang Pegawai Pendidikan dan memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Business Administration dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) sementara Dayang Amal Kasibah sedang melanjutkan pendidikan dalam Ijazah Sarjana Muda bagi bidang Komunikasi dan Media di UBD.

Mula ditubuhkan pada 2015 dengan hanya dianggotai oleh beberapa orang sahaja, kini YAS Brunei berkembang sehingga memiliki ahli seramai 50 orang. Bagi Dayang Norhayatunajibah dan Dayang Amal Kasibah, pencapaian terbesar YAS Brunei setakat ini adalah menjadi organisasi pertama di negara ini yang memperjuangkan anti penyeludupan manusia dan penghambaan moden. Bagi mereka, isu tersebut amat penting kerana ia memberi impak besar kepada sesebuah negara terutama dari segi masalah sosial. Meskipun isu tersebut jarang berlaku di negara ini namun orang ramai tegas mereka, perlu diberi pengetahuan dan juga kesedaran mengenai penyeludupan manusia kerana pada masa kini, pelbagai taktik digunakan untuk merangkap mereka yang tidak bersalah.

Di sebalik kejayaan itu, sudah tentu berdepan dengan cabaran baik besar mahupun kecil. Salah satu daripadanya adalah usaha untuk mendalami isu-isu yang melibatkan anti penyeludupan manusia, penghambaan manusia dan juga keselamatan migrasi. Meskipun isu-isu tersebut nampak mudah namun sebenarnya ia bukanlah sesuatu yang mudah kerana untuk memahami alirannya yang merangkumi peraturan-peraturan dan undang-undang tersendiri, mereka perlu mendekati dan mempelajarinya daripada pihak-pihak berkuasa, seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Peguam Negara dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Namun begitu, apa yang terus mendorong mereka untuk mengangkat YAS Brunei adalah untuk membantu dan membuka pemikiran orang ramai mengenai jenayah yang berpunca daripada isu tersebut. Dalam pada itu, mereka akan terus berkongsi dan berjuang dalam usaha membanteras penyeludupan manusia.

Dayang Norhayatunajibah dan Dayang Amal Kasibah menyeru para belia agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling.

"Buka minda, berikan idea dan dekati mereka yang memerlukan kerana menerusi komunikasi, kita akan tahu mereka yang memerlukan bantuan kita," saran kedua-duanya.



ANTARA aktiviti yang sering diadakan oleh YAS Brunei, iaitu mengagihkan makanan kepada pekerja asing.



MEREKA akan terus berkongsi dan berjuang dalam usaha membanteras penyeludupan manusia.

# Kota Ranger FC bawa pulang tiga mata



PEMAIN Kota Ranger (jersi merah) ketika melakukan serangan ke gawang pintu gol pasukan Wijaya FC.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

**BERAKAS**, Ahad, 21 Januari. - Pasukan Kota Ranger FC berpesta gol setelah menumpaskan pasukan Wijaya FC, 4 - 0 pada perlawanan Liga Super DST Brunei 2017 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas.

Pada babak pertama, kedua-dua pasukan membuat serangan ke gol lawan masing-masing, namun gagal menjaringkan sebarang gol.

Memasuki babak separuh masa kedua, pasukan Kota Ranger FC menjaringkan gol pertamanya menerusi Md. Faiz Farhan bin Kamat pada minit ke-51.

Selang dua minit kemudian, gawang pasukan Wijaya FC sekali lagi digegarkan melalui jaringan Abu Suffian bin Haji Adanan pada minit ke-53.

Pasukan Kota Ranger FC mengekalkan momentumnya apabila Md. Amalul Ariffin Shah bin Said menjaringkan gol ke gawang pasukan Wijaya FC pada minit ke-56.

Pada minit ke-76, Abu Suffian menembusi pertahanan lawan, sekali gus menghadiahkan satu lagi gol buat pasukan Kota Ranger FC.

Pasukan Kota Ranger FC mengekalkan kedudukannya sehingga wisel penamat dibunyikan untuk membawa pulang tiga mata.



PEMAIN pasukan Kota Ranger FC ketika melakukan serangan sambil dihadang oleh pemain Wijaya FC.

# Rempuh kedai runcit : pemandu ditahan bagi siasatan lanjut

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BERAKAS**, Ahad, 21 Januari. - Seorang pemandu lelaki warganegara asing dilaporkan merempuh sebuah kedai runcit di Kampung Salambigar, di sini.

Dalam kejadian tersebut, Balai Polis Berakas menerima panggilan telefon kira-kira jam 3.15 petang, di mana hasil siasatan awal pihak polis mendapati, pemandu berkenaan didapati bertengkar dengan temannya sehingga menyebabkan kejadian pemandu tersebut melanggar ruang hadapan kedai runcit berkenaan.

Pemandu tersebut ditahan dan dibawa ke Balai Polis Berakas untuk siasatan lanjut.



# Tabuan Muda 'A' tumpaskan Jerudong FC, 5 - 0





SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara pasukan Tabuan Muda 'A' (jersi kuning) menentang pasukan Jerudong FC (jersi biru) yang diadakan di Padang Kompleks Sukan Berakas (kiri dan kanan).



KETANGKASAN pasukan Tabuan Muda 'A' semasa beraksi berjaya menyengat pasukan Jerudong FC pada siri perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 kali ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Januari. - Ketangkasan pasukan Tabuan Muda 'A' beraksi di Padang Kompleks Sukan Berakas berjaya menyengat pasukan Jerudong FC pada siri perlawanan Liga Super Brunei DST 2017 kali ini.

Perlawanan yang berkesudahan 5 - 0 di sini mula digegarkan pada awal permainan dengan sumbatan gol Tabuan Muda 'A' pada minit ke-11 menerusi Awang Md. Nur Asyraffahmi Nor Samri.

Selang seminit kemudian, gawang Jerudong FC sekali lagi berjaya dibolosi oleh Awang Atifudin @ Amir Mamduh Momin bagi menambah satu lagi gol.

Walaupun Jerudong FC sering mempertahankan kubu mereka namun Tabuan Muda 'A' masih dapat menembusi pertahanan lawan apabila Awang Hirzi Zulfaqar Mahzan menjaringkan gol tambahan sebelum separuh masa pertama berakhir.

Gelenggang padang belum lagi panas pada separuh masa kedua, Awang Hirzi Zulfaqar Mahzan sekali lagi menghadiahkan gol seterusnya pada minit 47.

Tuah yang menyebelahi Tabuan Muda 'A' terus berpesta gol kelima mereka melalui Awang Md. Nur Asyraffahmi Nor Samri sekali lagi memastikan kemenangan selesa buat pasukannya dan membuatkan Jerudong FC terpaksa akur dengan tiada jaringan mereka sumbangkan perlawanan kali ini.

Edisi liga ini akan diteruskan dengan dua perlawanan esok secara berasingan, iaitu pasukan Kota Ranger FC bertemu pasukan Wijaya FC dan Lun Bawang akan berentap menentang Indera FC.



# LENSA

*Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?*

**BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :**

Tajuk-tajuk akan datang:
1) 'Alat-Alat Muzik Tradisi Brunei' (tarikh tutup 10 Februari 2018)
2) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)
3) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)
Tajuk-tajuk tersebut hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :

**pelita.brunei@information.gov.bn**

5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

## Pemenang minggu ini



TAJUK : 'Kanak-Kanak Belajar Mengaji'
Keterangan gambar : 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya', inilah peribahasa yang selalu dikaitkan dengan kanak-kanak, mereka hendaklah dididik dari awal untuk membentuk nilai-nilai murni.
Kamera : Canon EOS 800D, ISO 6400, aperture f/4.0, shutter speed 1/250 sec
Nama pemenang : Siti Amafina binti Haji Zaman / Nombor I.C. : 01-071451
No. 1, Simpang 5-6, Jalan 39 RPN Kampung Rimba, Gadong.

Pelita Brunei

# Sukan

**INFO SUKAN**

JUDO merupakan seni bela diri yang berasal dari Jepun kini diamalkan oleh lima juta orang di seluruh dunia, yang mana sebanyak 196 negara anggota berdaftar di bawah Persekutuan Judo Antarabangsa sebagai salah satu sukan Olimpik.

ePaper Pelita Brunei

# Lorena United FC kekalkan kejuaraan BMI Supercup 2017

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 21 Januari. - Lorena United FC mempertahankan kejuaraannya tiga tahun berturut-turut apabila muncul johan pada Kejohanan Akhir Bola Sepak BMI Supercup 2017 yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hendrik Wibowo pemain pasukan Lorena United FC menjaringkan gol pertama pada minit ke-45 separuh masa pertama.

Pada separuh masa kedua, pasukan lawan Seminor Borneo FC bangkit dan berjaya membolos gawang pasukan Lorena United FC pada minit ke-47 melalui sepakan Miftahul Choiri.

Selang beberapa minit kemudian, Hendrik Wibowo sekali lagi berjaya menambah jaringan untuk menjadikan kedudukan 2 - 1 pada minit ke-54 sehingga wisel penamat.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Kejohanan yang bermula sejak bulan Oktober 2017 adalah kali ketiga dianjurkan oleh Gabungan Aliansi Rakyat Daerah Buruh Migran Indonesia (GARDA BMI) dan disertai oleh para pekerja buruh Indonesia (Buruh Migrant Indonesia - BMI) yang bekerja negara ini.

Sebanyak 16 buah pasukan menyertainya terdiri daripada Kalbar FC; Garuda FC; Putra Lampung FC; Wiralodra FC; Monaerangga FC; Pandawa Koci FC; Rinjani FC; Lorena United FC; East Star FC; Pasundan United FC; Nusantara FC; Barsa FC; Matrix FC; Borneo FC; Seminor Borneo FC dan Bws FC.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kiri) semasa menyampaikan piala kepada ketua pasukan Lorena United FC selaku juara Kejohanan Akhir Bola Sepak BMI Supercup 2017.



PASUKAN Lorena United FC (jersi biru) cuba merampas bola daripada pemain lawan pasukan Seminor Borneo FC (jersi hijau).



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Kejohanan Akhir Bola Sepak BMI Supercup 2017.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**HATI NURANI BERSIH BENTUK AKHLAK MULIA, KEPERIBADIAN TERPUJI**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجاٴن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.